

OBOR BELIA

BUKU 17

ANTARA SIKAP & CAKAP



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penterjemah: Cheong Pooi Wah

Pooi Wah memperoleh Master of Library & Information Science dari Universiti Malaya dan pernah bekerja sebagai seorang perpustakawan di Bible College of Malaysia, Petaling Jaya serta mengajar beberapa kursus di Jabatan BM.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: Oktober 2010

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com

Kulit Buku : Randy Singkee

Artis Ilustrasi : Eugene Tan (Sesi 1-4) & Yee Weng Chiang (Sesi 5-8)

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia

Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2010 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Antara Sikap & Cakap

Lembar Kerja

6	Sesi 1: Pencarian Diri
10	Sesi 2: Gejala Lubang Gelap
16	Sesi 3: Pertembungan Kemahuan
20	Sesi 4: Rahsia Kejayaan
26	Sesi 5: Menjinakkan Lidah
32	Sesi 6: Mulut Murai
36	Sesi 7: Perhatikan Bahasa Anda
40	Sesi 8: Lidah Yang Jinak

Panduan Pembimbing

45	Sesi 1
52	Sesi 2
57	Sesi 3
63	Sesi 4
69	Sesi 5
74	Sesi 6
79	Sesi 7
83	Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman Tuhan

serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.




Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuat lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 17: Antara Sikap & Cakap

Mukadimah

Ada beberapa tahap dalam kehidupan ini yang dipenuhi dengan banyak tekanan, bukan sahaja dari segi fizikal dan mental, tetapi juga penuh dengan pergumulan emosi, sosial dan rohani. Semasa kita melangkah ke alam berdikari, kita berhadapan dengan rasa ragukan diri dan perasaan serba kekurangan dalam usaha mencapai identiti diri. Pada masa yang sama pergumulan juga terjadi ketika pola-pola kelakuan baru diuji dan sistem pemikiran yang berlainan dicuba.

Tidak cukup dengan itu, di saat kita berusaha untuk memiliki sikap yang positif dan terpuji, kita juga dihadapkan dengan cara bagaimana kita mengendalikan lidah. Jenis kata-kata yang keluar daripada mulut kita dipengaruhi serta dibentuk oleh nilai-nilai masyarakat. Ramai belia Kristian 'berdwi bahasa': satu bahasa yang digunakan di gereja dan satu bahasa yang digunakan di luar gereja! Kebanyakan mereka tidak menyedari bahawa cara mereka menggunakan lidah mereka boleh mendatangkan akibat-akibat yang mendalam bagi kehidupan rohani mereka serta orang-orang di sekeliling mereka.

Alkitab menggambarkan lidah sebagai api dan mengatakan bahawa lidah itu "sesuatu yang buas, yang tak terkusai, dan penuh racun yang mematikan" (Yakobus 3:8a). Pernahkah anda merasai kebenaran ayat itu – mengalami kehangatan yang datangnya daripada lidah; pernah merasakan kepahitan kata-kata atau ejekan yang menyakitkan; atau menyaksikan kehancuran yang dialami seseorang disebabkan oleh kata-kata cuai?

Sebab itulah cara kita bersikap dan bercakap, adalah seperti rentak pukulan bambu ketika persembahan tarian magunatip suku kaum Murut dimainkan. Sebagai anak-anak Tuhan, kita harus dapat menjaga sikap kita dan mengendalikan lidah kita. Orang lain dapat menilai cara kita menjalankan kehidupan sebagai seorang Kristian; dan pada masa yang sama, kata-kata membina dan positif yang datang daripada lidah yang terkawal akan membuat mereka tertarik dengan apa yang kita percayakan.

"Janganlah ada perkataan kotor keluar dari mulutmu, tetapi pakailah perkataan yang baik untuk membangun, di mana perlu, supaya mereka yang mendengarnya, beroleh kasih karunia." (Efesus 4:29)

Pencarian Diri





Ayat Mas Alkitab

Jagalah aku, ya Allah, sebab pada-Mu aku berlindung. Aku berkata kepada TUHAN: “Engkaulah Tuhanku, tidak ada yang baik bagiku selain Engkau!”
(Mazmur 16:1-2)



Kata-kata Mutiara

Kita menemui identiti diri serta nilai diri dengan menyedari bahawa kita adalah anak-anak Tuhan dan kita begitu penting dan bernilai bagi-Nya.



Aktiviti Bersama

Siapakah Diri Saya?

Fikirkan dan tuliskan 10 hal yang menggambarkan identiti diri anda. Kemudian dalam kumpulan tiga atau empat orang, kongsi apa yang anda tulis tentang diri anda.

1.	6.
2.	7.
3.	8.
4.	9.
5.	10.



Renungan Firman Tuhan

Bagaimana umat Allah melihat diri mereka, baik sebagai satu bangsa mahupun sebagai individu-individu? Jika seseorang bertanya seorang berbangsa Israel siapakah dirinya, apa agaknya jawapan yang diberikan? Marilah kita jejak sejarah Israel untuk mendapatkan jawapannya.

A. Identiti Bangsa Pilihan Allah

1. Bagaimanakah bangsa Israel didirikan? (Kejadian 17:1-8, Keluaran 1:1-5; 6:2-8)
2. Bagaimana Allah melihat Diri-Nya berhubungan dengan Israel?
Lihatlah ayat-ayat berikut dan tuliskan jawabannya.

	Dia adalah....	Mereka adalah
Keluaran 6:7		
Yesaya 51:4		
Yesaya 44:21		
Yesaya 43:1		

3. Bagaimana umat Israel melihat diri mereka berhubungan dengan Tuhan? (*Lihatlah ayat-ayat berikut*)

Yesaya 64:8	
Mazmur 100:3	

B. Identiti Umat Pilihan Allah

4. Lihatlah pada beberapa hal yang Daud tulis tentang dirinya sendiri. Apa yang dapat anda pelajari tentang pemahamannya tentang dirinya sendiri?
Mazmur 16:1-2, 7-8

Mazmur 22:9-11

Mazmur 62:1-8

5. Perhatikan bahawa Daud selalu memperkatakan tentang dirinya berhubungan dengan Tuhannya! Kelihatannya, kesedaran tentang siapakah dirinya terikat dengan perhubungannya dengan Tuhannya. Menurut Daud, bagaimana Tuhan melihat dia?

Mazmur 8:3-9

Mazmur 103:1-5, 13-18



Renungan Peribadi Pencarian Identiti Diri Saya

1. Apakah cara-cara yang biasanya digunakan oleh para orang muda untuk mendapatkan identiti dan nilai diri masing-masing?
2. Bagaimana dengan anda? Dengan cara apakah anda menegakkan identiti diri anda?

Santapan Minda

“Anda penting dan hidup anda bermakna kerana anda amat dikasihi oleh Tuhan. Anda penting dan berharga bagi Tuhan – itu sudah mencukupi. Anda tidak perlu berusaha menjadi seseorang yang lain semata-mata mahu merasa diri anda penting. Sedarilah bahawa tidak ada sebarang hal yang dapat merampas kepentingan anda sebagai anak Tuhan yang tersayang.”



Doa

Berdoalah semoga Tuhan akan memaktubkan dalam hati anda kebenaran ini: bahawa anda adalah anak-Nya dan amat dikasihi oleh Tuhan. Berdoalah agar Tuhan akan membantu anda untuk menyematkan kebenaran ini dalam jiwa sanubari anda supaya anda tahu identiti anda dalam Kristus.

Gejala Lubang Gelap





Ayat Mas Alkitab

“Janganlah melakukan sesuatu kerana didorong oleh kepentingan diri sendiri, atau untuk menyombongkan diri. Sebaliknya hendaklah setiap orang dengan rendah hati menganggap orang lain lebih baik dari dirinya sendiri. Perhatikanlah kepentingan orang lain; jangan hanya kepentingan diri sendiri.”

(Filipi 2:3-4)



Kata-kata Mutiara

Orang muda lebih cenderung mementingkan diri sendiri bukan kerana disebabkan oleh sifat semulajadi dosa tetapi juga disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam perkembangan mereka mendewasa.



Aktiviti Bersama

Perbahasan Kecil

Dalam kumpulan tiga atau empat orang, fikirkan dan bincangkan pernyataan berikut:

“Secara semulajadi, orang muda lebih mementingkan diri sendiri.”

Pembimbing anda akan menentukan kumpulan mana yang akan menjadi pencadang, dan kumpulan mana yang membangkang. Bahaskan.



Renungan Firman Tuhan


1. Paulus menyeru kita memupuk sikap yang bagaimana terhadap orang lain? (Filipi 2:3-8)
2. Bagaimanakah kita dapat menghalang diri kita dari meneruskan cara hidup lama yang berdosa? (Galatia 5:16-26)

3. Siapakah yang diberikan oleh Allah kepada kita dan apa yang dilakukan oleh Penolong tersebut? (Yohanes 14:26)
4. Apa nasihat yang diberikan oleh Rasul Yohanes dalam 1 Yohanes 1:6, 10?
5. Adakah kita mempunyai pilihan bagaimana kita menjalani hidup kita? (Galatia 6:7-10)
6. Apakah yang akan berlaku jika kita membuat pilihan meneruskan cara hidup berdosa?
7. Apakah yang akan berlaku jika kita membuat pilihan mengikuti cara cara Roh Kudus?
8. Siapakah yang harus menjadi contoh kita dalam kehidupan sebagai anak-anak Tuhan? (1 Yohanes 2:6)



Renungan Peribadi

*Adakah anda menganggap diri anda seorang yang mementingkan diri?
Pada skala 1 hingga 10, bagaimana anda menilai diri anda?*



Langsung tidak
mementingkan diri

Saya mesti jaga
diri sendiri dulu!

Apa kata kita meneliti lebih dalam untuk memastikan sama ada penilaian diri anda tadi tepat?

1. Perhubungan dengan kawan-kawan

- a. Adakah anda kerap memikirkan tentang mereka terlebih dahulu? _____
- b. Berapa kerap anda cuba mengutamakan kepentingan mereka mendahului diri sendiri? _____
- c. Dalam cara apakah anda berkelakuan mementingkan diri terhadap mereka? _____



2. Perhubungan dengan ahli-ahli keluarga

- a. Berapa kerap anda membantu di rumah atau menolong adik-beradik anda? _____
- b. Adakah anda membantu secara sukarela atau hanya bila disuruh? _____
- c. Bila anda tidak bersetuju dengan ibu bapa, adakah anda selalu berkeras dengan kemahuan sendiri? _____
- d. Apakah aspek-aspek mementingkan diri yang jelas kelihatan dalam diri bila di rumah? _____

3. Pemikiran Anda

- a. Apakah yang anda fikirkan kebanyakan masa? _____
- b. Adakah pemikiran anda lebih mengenai diri sendiri atau orang lain di sekeliling anda? _____
- c. Berapa kerap anda memikirkan masalah-masalah orang lain dan bagaimana membantu mereka? _____

Tidak kira di mana anda berada pada skala itu (kecuali jika anda menandakan 0), pastinya ada lagi ruang untuk diperbaiki.

Alkitab mengatakan bahawa anda mempunyai pilihan – anda boleh berusaha mengatasi sikap mementingkan diri atau anda boleh terus dalam cara-cara lama yang asyik mengutamakan diri sendiri dan menerima akibat perhubungan yang terputus dengan Tuhan!

Berdasarkan apa yang sudah anda catatkan, aspek mana yang anda fikir Tuhan mahu anda tumpukan perhatian? Pilih salah satu dengan membulatkannya:

Sikap Sesetengah orang Keluarga Umum

Kemudian tulis di bawah satu atau dua tindakan yang anda akan ambil untuk menghadapi pergumulan anda.

Santapan Minda

“Tuhan telah mengurniakan Roh Kudus-Nya untuk membantu anda hidup menurut cara yang berkenan kepada-Nya. Setiap hari, serahkanlah pergumulan anda dalam usaha menjadi kurang mementingkan diri. Yakinilah bahawa keinginan anda mahu melakukan yang benar dan betul, berkenan kepada-Nya dan Dia pasti akan menolong!! Jadi, hiduplah dalam Roh dan mematuhi-Nya.”

~ Goh Kim Guat



Doa

Berdoalah untuk memohon pengampunan daripada Tuhan atas segala sikap mementingkan diri sendiri anda. Doakan agar Tuhan memperkuat anda untuk hidup menurut Roh serta mematuhi-Nya.

Pertembungan Kemahuan





Ayat Mas Alkitab

“Dan rendahkanlah dirimu seorang kepada yang lain di dalam takut akan Kristus.”
(Efesus 5:21)



Kata-kata Mutiara

Kita diseru supaya tunduk kepada satu sama lain dan terhadap mereka yang berkuasa atas kita berasaskan kasih dan hormat kepada Yesus Kristus.



Aktiviti Bersama

Isu Kepatuhan

✍ Apakah makna perkataan ‘tunduk’?

✍ Sebagai seorang Kristian, selain daripada menuruti Tuhan, siapa lagi yang harus kita patuhi?



Renungan Firman Tuhan

Dengan merujuk kepada ayat-ayat yang telah diberikan, isikan jadual di bawah:

	Mereka Yang Tunduk Atau Menuruti	Mereka Yang Harus Kita Turuti
Efesus 5:21		
1 Petrus 5:5		

	Mereka Yang Tunduk Atau Menuruti	Mereka Yang Harus Kita Turuti
Roma 13:1-5		
Efesus 5:22-24		
Efesus 6:1-8		
Ibrani 13:17		



Renungan Peribadi

Perbincangan: Beberapa Masalah Yang Biasa


✍ Adakah anda dapati sukar tunduk kepada sesiapa? Mengapa?

✍ Apakah saranan-saranan bagaimana mengatasi kesukaran ini?



Berdoalah kepada Tuhan untuk terus membantu anda mengembangkan sikap kerendahan hati dan tunduk menunduk kepada satu sama lain serta kepada mereka yang berkuasa. Berdoalah semoga kemurahan Tuhan menyertai anda mengharungi pergumulan ini terutamanya jika anda adalah seorang yang sukar untuk tunduk.

Rahsia Kejayaan





Ayat Mas Alkitab

“Tidak tahukah kamu, bahwa dalam gelanggang pertandingan semua peserta turut berlari, tetapi bahwa hanya satu orang saja yang mendapat hadiah? Karena itu larilah begitu rupa, sehingga kamu memperolehnya! Tiap-tiap orang yang turut mengambil bagian dalam pertandingan, menguasai dirinya dalam segala hal. Mereka berbuat demikian untuk memperoleh suatu mahkota yang fana, tetapi kita untuk memperoleh suatu mahkota yang abadi.”



Kata-kata Mutiara

Jika kita mahu mencapai potensi sepenuh sebagai anak Tuhan, maka kita harus mengatasi sikap-sikap semulajadi seperti malas dan tidak-apa. Sebaliknya, kita harus mengembangkan sifat-sifat tekun, disiplin dan ketergantungan terhadap Tuhan.



Aktiviti Bersama

Rahsia Paulus

Bayangkan anda sedang mengarang rencana berjudul “Rahsia Mencapai Kejayaan Rohani” untuk sebuah majalah remaja Kristian bernama *Dunamis*. Anda mahu menemuduga Paulus untuk mendapatkan pendapatnya kerana anda percaya bahawa dia mempunyai pandangan yang amat bernilai berkaitan dengan judul ini.

Di bawah ialah sebahagian daripada temu duga anda dengan Paulus. Bacalah bahagian-bahagian Alkitab yang diberikan dan kemudian, dengan menggunakan perkataan anda sendiri, tulis apa yang anda fikir Paulus akan katakan.

Anda: Paulus, saya pasti anda bersetuju, mencari makna hidup agak mencabar bagi seseorang remaja. Pada pendapat anda, apakah makna hidup bagi seseorang Kristian? Bolehkah anda mengongsikan beberapa rahsia bagaimana dapat mencapai tujuan ini? (*Baca Filipi 3:10-14*)

Paulus:

Anda: Adakah anda tetapkan tujuan-tujuan tertentu untuk dicapai? Jika ya, bagaimana anda berusaha mencapainya atau adakah anda mencuba? (*Baca 1 Korintus 9:24-27; Kolose 3:23-24*)

Paulus:

Anda: Semua orang sedar bahawa hidup adalah sukar. Tetapi anda nampaknya dapat mengharungi dengan baik dan masih dapat berterusan. Apakah yang anda lakukan bila anda menghadapi masa-masa yang sukar dan ketika anda merasa semuanya terlalu berat? (*Baca Filipi 4:12-13; 2 Korintus 12:9-10*)

Paulus:



Renungan Firman Tuhan

Apakah sikap-sikap dan sifat-sifat Paulus yang membolehkan dia mengharungi berbagai pengalaman namun tetap setia kepada Tuhan serta sanggup hidup atau mati demi Injil? Apakah yang membolehkan dia menjadi peribadi rohani yang begitu ‘berhasil atau berjaya’?

1. Apa nasihat Paulus kepada kita seperti yang tercatat dalam Kolose 3:23-24?
2. Apa sikap Paulus sendiri dalam perhubungannya dengan orang lain? (1 Tesalonika 2:6-9)

3. Paulus membandingkan kehidupan Kristian sebagai seorang ahli sukan. Apa yang diperlukan dalam kehidupan yang bermenang ini? (*1 Korintus 9:24-27*).
4. Apa tujuan hidup Paulus? (*Filipi 3:10-14*).
5. Bagaimana dia mengatur hidupnya sedemikian untuk memastikan bahawa tujuan hidupnya tercapai? (*1 Korintus 9:26-27*).
6. Apa yang Paulus harungi ketika kehidupannya menjadi sukar? (*2 Korintus 11:23-30*).
7. Sikap yang bagaimanakah yang dimiliki oleh Paulus ketika dalam waktu kesukaran? (*2 Korintus 12:9-10*).



Renungan Peribadi **Berusaha Ke Arah Mencapai Rahsia Kejayaan**

1. Di manakah anda rasa anda sudah gagal dalam aspek ini?
Ketekunan Disiplin Kebergantungan kepada Tuhan
2. Apakah langkah-langkah atau tindakan yang dapat anda lakukan untuk memperbaikinya?

Santapan Minda

“Jangan beritahu Tuhan berapa besar masalah anda, tetapi beritahulah masalah berapa besar Tuhan anda”

~ Sue Schmacher

“Hiduplah dekat dengan Tuhan, dan semua perkara pasti akan kelihatan kecil jika dibandingkan dengan realiti apa yang kekal”

~ Robert Murray McCheyne




Doa

Akhiri sesi ini dengan menyerahkan diri anda ke dalam tangan Tuhan yang pengasih. Berdoalah agar Dia akan terus menjaga dan mengajar anda untuk hidup tekun, berdisiplin dan bergantung kepada-Nya. Akhiri doa anda dengan membaca Filipi 3 :12-14.



Menjinakkan Lidah





Ayat Mas Alkitab

“Karena yang diucapkan mulut meluap dari hati.”
(Matius 12:34b)



Kata-kata Mutiara

Apa yang masuk ke dalam hati dan minda (fikiran) kita akan menentukan apa yang keluar daripada mulut kita.



Aktiviti Bersama

Kenali Lidah Anda

Pernahkan anda mengambil ujian I.Q. untuk mengetahui betapa bijaknya anda? Apa kata kita cuba ambil ujian T.Q. (Tongue Quotient) pula – ia bukan menguji kekuatan dan kesihatan lidah – ujian T.Q. ialah untuk mengetahui bagaimana anda menggunakan lidah anda. Di bawah merupakan satu ujian T.Q. Cubalah dan anda akan mengetahui keadaan ‘lidah’ anda!

Baca setiap kenyataan dengan berhati-hati dan berikan nilai dengan membulatkan satu nombor pada skala 1 hingga 10. Angka 10 merupakan nilai tertinggi. Lakukan dengan jujur!

1. Saya selalu mengatakan perkara yang baik tentang orang lain.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

2. Saya tidak pernah mengatakan apa-apa yang menyembunyikan kebenaran.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

3. Saya mengatakan hal yang betul pada masa yang tepat.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

4. Saya tidak pernah mengatakan sesuatu yang akan merosakkan reputasi seseorang.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

5. Saya berusaha tidak memberitahu orang lain tentang hal yang dikongsikan dengan saya secara peribadi.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

6. Kata-kata saya selalu menceriakan perbualan.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

7. Hal-hal yang saya katakan merupakan contoh-contoh yang baik yang dapat diikuti oleh orang lain.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

8. Saya selalu berusaha menjauhkan diri daripada mengeluarkan kata-kata kesat atau kotor.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

9. Kata-kata saya selalu memberi galakan dan bukannya mengkritik orang lain.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

10. Saya berhati-hati dengan apa yang saya katakan walaupun ketika berjenaka.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

Jumlah: _____



Renungan Firman Tuhan

1. Kenapa Yakobus mengibaratkan lidah sebagai anggota badan yang kecil tetapi berkuasa besar? (Yakobus 3:4-10)
2. Kenapa Yakobus mengatakan lidah boleh membakar? (Yakobus 3:6)

3. Kenapa lidah sangat sukar dikendalikan?
4. Apa yang kita dapat jika lidah digunakan dengan betul? (Amsal 12:18)
5. Apa akibatnya jika lidah tidak digunakan dengan betul? (Yakobus 3:10; Amsal 12;18)
6. Apa kaitan hati dengan lidah menurut Yesus? (Matius 12:33-37)
7. Menutup anda, kenapa Yesus mengatakan apa yang keluar dari mulut itu menajiskan? (Matius 15:16-20)



Renungan Peribadi

Hidangan Lidah

Bahagian I

Pernahkah anda mendengar frasa, **“Sampah masuk, sampah keluar”**? Maksudnya, apa yang anda masukkan itulah yang akan keluar. Ini termasuk minda (fikiran) anda juga. Apa yang anda masukkan ke dalam minda anda akan keluar melalui mulut anda!

Bincangkan dalam kumpulan anda apakah perkara-perkara yang masuk ke dalam minda (fikiran) anda dan mempengaruhi cara anda berfikir? Itu mungkin jenis komik yang anda baca, laman web yang anda layari, permainan komputer atau jenis lagu-lagu yang anda dengar dan sebagainya.

Kemudian, bergantung kepada sama ada anda fikir hal itu adalah baik atau tidak baik, senaraikan dalam salah satu ruang di bawah. Cuba kenalpastikan dengan seberapa khusus yang boleh. Sebagai contoh, jika anda berpendapat bahawa beberapa program televisyen tidak baik, cuba namakan program-program tersebut.

Hal-hal Yang Baik	Hal-hal Yang Tidak Baik

Bahagian II

Bagaimana anda mengawal apa yang masuk minda anda supaya lidah anda turut terkawal?

“Karena itu, kalau kamu dibangkitkan bersama dengan Kristus, carilah perkara yang di atas, di mana Kristus ada, duduk di sebelah kanan Allah. Pikirkanlah perkara yang di atas, bukan yang di bumi. Sebab kamu telah mati dan hidupmu tersembunyi bersama dengan Kristus di dalam Allah.” (Kolose 3:1-3)

Jadi, dedahkan diri anda kepada hal-hal yang berkenan kepada Kristus sahaja! Pilih apa yang merupakan keinginan Kristus untuk anda dan bukannya apa yang anda sendiri ingini sahaja.

Sekarang, fikirkan sekali lagi dengan apa yang sudah dikongsikan tentang hal-hal yang tidak baik. Mana satukah yang sudah anda izinkan untuk masuk ke dalam minda anda? Tuliskan di bawah.



Sekarang mohon pengampunan dari Tuhan kerana anda telah membenarkan hal-hal tersebut mempengaruhi anda. Mohon semoga Dia membantu anda menjauhi diri daripada semua itu agar tidak lagi mempengaruhi anda.

Santapan Minda

“Apa yang masuk akan mempengaruhi apa yang anda fikirkan dan apa yang anda rasakan, dan seterusnya akan mempengaruhi apa yang anda luahkan daripada mulut anda.”

~ Goh Kim Guat



Doa

Baca Kolose 3:1-3. Ulang sekali lagi tetapi gantikan perkataan ‘kamu’ dengan ‘saya’.

*“Karena itu, kalau **saya** dibangkitkan bersama dengan Kristus, carilah perkara yang di atas, di mana Kristus ada, duduk di sebelah kanan Allah. Pikirkanlah perkara yang di atas, bukan yang di bumi. Sebab **saya** telah mati dan hidup **saya** tersembunyi bersama dengan Kristus di dalam Allah.”*

Jadikanlah ia satu doa komitmen anda kepada Tuhan supaya anda akan mengisi minda dan hati dengan hal-hal yang baik, agar apa yang keluar dari mulut anda akan memuliakan Tuhan dan menguatkan orang lain.



Mulut Murai





Ayat Mas Alkitab

“Seperti sedap-sedapan perkataan pemfitnah masuk ke lubuk hati.”
(Amsal 26:22)



Kata-kata Mutiara

Alkitab mengatakan bahawa mereka yang menyebarkan khabar angin atau gosip adalah pemalas dan penyibuk.



Aktiviti Bersama

Bzz... Apakah itu Gosip?

Dalam kumpulan 4 atau 5 orang, bincangkan:



Menurut anda apa itu gosip?



Dalam keadaan apakah cerita anda itu menjadi gosip?



Baca 1 Timotius 5:13 dan Amsal 20:19. Apa yang dikatakan oleh Alkitab tentang gosip?



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah gosip menurut 1 Timotius 5:13?
2. Orang yang bagaimanakah menurut Alkitab yang suka menggossip?
(2 Tesalonika 3:11)



3. Apa erti 'orang yang bocor mulut' menurut Amsal 20:19?
4. Kenapa gosip diibaratkan sebagai sesuatu yang sedap? (Amsal 26:22)
5. Mengapa agaknya orang suka bergosip?
 - a.
 - b.
 - c.
 - d.
6. Bagaimana kita memberi alasan kepada gosip kita?
7. Ada beberapa strategi yang boleh menghentikan gosip. (Strategi-strategi ini akan dibincangkan bersama-sama dengan pembimbing anda)
 - a.
 - b.
 - c.
 - d.
 - e.
 - f.



Renungan Peribadi

Adakah anda juga bergosip?? Marilah kita lakukan pemeriksaan diri dengan jujur!

1. Adakah anda bergosip tentang seseorang hari ini? _____
Siapa? _____
2. Bagaimana dengan minggu lepas? _____
Siapa? _____
3. Bagaimana dengan bulan lalu? _____
Siapa? _____

4. Jika anda telah menjawab 'Ya' kepada mana-mana soalan di atas, apakah yang patut anda lakukan sekarang?
5. Alkitab menegur kita supaya jangan menjadi penjaga tepi kain orang dan menyebarkan gosip tentang orang lain. Apakah langkah-langkah yang dapat anda ambil supaya tidak bergosip tentang orang lain apabila berita menarik sampai telinga anda lain kali?
6. Senaraikan tiga langkah yang akan anda ambil:
- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

Santapan Minda

"Saya menganggap kelonggaran mulut mengawal kata-kata itu tidak jauh bezanya daripada orang yang sedang mengalami cirit-birit."

~ John Calvin



Doa

Akhiri sesi ini dengan mendoakan para peserta supaya Tuhan akan membantu kita semua untuk lebih berdisiplin dan jangan menyebarkan gosip tentang orang lain. Doakan agar Dia akan mengajar anda menjadi bijak untuk mengawasi lidah anda, dan akan menggunakan lidah anda untuk memberi galakan dan dorongan kepada satu sama lain.

**Perhatikan
Bahasa Anda**





Ayat Mas Alkitab

“Tetapi Aku berkata kepadamu: Setiap kata sia-sia yang diucapkan orang harus dipertanggungjawabkannya pada hari penghakiman. Karena menurut ucapanmu engkau akan dibenarkan, dan menurut ucapanmu pula engkau akan dihukum.”
(Matius 12:36-37)



Kata-kata Mutiara

Kita perlu bertanggungjawab kepada Tuhan atas setiap patah perkataan cuai yang kita lafazkan.



Aktiviti Bersama

Kata-kata Cuai

Anda akan dibahagikan kepada 4 kumpulan. Setiap kumpulan akan berbincang satu daripada 4 pernyataan di bawah ini:

- (1) Sama teruknya jika kita menggunakan bahasa basahan (*slang*) menggantikan kata sebenar, sebagai contoh, *shoot* (yang sebenarnya bererti *shit*);

Kita juga boleh menggunakan nama Tuhan atau Yesus dalam sesuatu seruan, sebagai contoh, “*Oh my God!*” dsb. kerana tiada maksud jahat.
(Rujukan-rujukan Alkitab: Matius 12:36; Keluaran 20:7)

- (2) Kita boleh berjenaka kasar iaitu yang berorientasikan seks selagi dalam kumpulan yang sama jantina.

Kita boleh mendengar jenaka-jenakan kasar selagi kita tidak tertawa bersama.

(Rujukan Alkitab: Efesus 4:29; 5:3-7)

- (3) Tiada salahnya menggunakan kata-kata kotor atau kesat kerana ia hanya ungkapan-ungkapan semata-mata. Lagipun tiada makna di sebaliknya.

Kata-kata kotor atau kesat memang biasa digunakan hari ini. Jadi, tidak ada orang yang akan memandang buruk tentang anda jika anda menggunakannya.

(Rujukan-rujukan Alkitab: Kolose 3:8; Efesus 5:4)

4. Memanggil orang dengan nama-nama yang menghina atau menggambarkan mereka secara negatif akan mempengaruhi bagaimana mereka memikirkan tentang diri masing-masing.

Mengutuk orang, sebagai contoh, ‘jahanam’ bukanlah kutuk bila dilafazkan ketika marah.

(Rujukan-rujukan Alkitab: Yakobus 3:9-10; Kejadian 12:3)



Renungan Firman Tuhan

1. Kenapa Yesus memberitahu kita bahwa kita harus berhati-hati dengan kata-kata yang keluar dari mulut kita? (Matius 12:33-37)
2. Kenapa kita harus hindari daripada kata-kata kosong? (2 Timotius 2:16)
3. Apa yang dikatakan sebagai kata-kata kosong?
4. Apa yang dikatakan sebagai jenaka kasar?
5. Apa itu bahasa kotor?
6. Apa itu kutukan? Bolehlah kita mengutuk orang?
7. Apakah akibat-akibat daripada kata-kata cuai?
8. Bagaimana kita dapat mengatasi tabiat yang suka mengucapkan kata-kata cuai?



Renungan Peribadi

Berpatah Balik

Fikirkan tentang orang yang sering anda katakan hal-hal negatif atau ucapkan kata-kata cuai; atau mungkin seorang yang baru-baru saja terkena kata-kata cuai anda. Fikirkan sesuatu yang positif tentang orang tersebut dan tuliskan nota pendek untuk memberi galakan atau dorongan kepada dia.

Santapan Minda

“Kebijaksanaan dalam percakapan adalah lebih daripada kefasihan lidah; dan untuk bercakap menyetujui seseorang adalah lebih daripada bercakap dalam perkataan yang baik atau yang teratur”

~ Francis Bacon (1561-1626), *Of Discourse*.



Doa

Adakah anda serius mahu menjinakkan lidah supaya anda akan menggunakan lidah anda sebagai suatu berkat kepada orang lain dan bukannya suatu kutuk? Jika anda serius mahu bertumbuh matang sebagai umat Tuhan, anda mesti mendisiplinkan diri dalam hal penggunaan lidah anda.

Baca perjanjian di bawah ini dan sekiranya itu adalah doa anda, turunkan tandatangan sebagai satu komitmen anda kepada Tuhan.

PERJANJIAN DENGAN TUHAN

Sebagai langkah mematuhi Firman Tuhan, saya membuat komitmen akan menjauhi segala yang mempengaruhi dan merosakkan minda saya secara negatif. Saya akan berusaha mengisi minda saya dengan hal-hal yang murni, baik dan betul.

Saya berhasrat mendisiplin lidah saya dalam segi _____ dan saya membuat komitmen akan mematuhi Tuhan dan dengan aktif berusaha menjinakkan lidah saya.

Dalam nama Yesus, Amin.

Pilih salah satu daripada aspek-aspek berikut untuk diisi:

gosip jenaka kasar kata-kata yang negatif
kata-kata kotor kata-kata kosong mengutuk

Lidah Yang Jinak





Ayat Mas Alkitab

“Janganlah ada perkataan kotor keluar dari mulutmu, tetapi pakailah perkataan yang baik untuk membangun, di mana perlu, supaya mereka yang mendengarnya, beroleh kasih karunia.” (Efesus 4:29)



Kata-kata Mutiara

Untuk menjinakkan lidah, usaha-usaha untuk menggunakannya dengan cara-cara positif mesti dilakukan.



Aktiviti Bersama

Menjinakkan Lidah

Anda akan dibahagikan kepada 4 kumpulan. Setiap kumpulan akan melakonkan satu daripada 4 pernyataan di bawah ini:

- (1) Satu cara menggunakan lidah anda dengan positif ialah dengan memupuk keimanan dan akhlak. Maksudnya kita mengatakan hal-hal yang membangun, memberi semangat atau memberi pengesahan iaitu dengan mengatakan hal-hal yang baik tentang seseorang. Ini akan membantu orang tersebut meningkatkan keyakinan dirinya dan bertumbuh matang menjadi seseorang yang lebih baik atau lebih salih. Rancangkan satu lakonan pendek yang kurang daripada 5 minit, untuk menunjukkan bagaimana anda dapat memupuk keimanan dan akhlak orang lain.
- (2) Satu cara menggunakan lidah anda dengan positif ialah dengan memberi galakan atau dorongan kepada orang lain. Ertinya, mendorong dan menggalakkan seseorang supaya merangsang dia ke arah mencapai sesuatu, atau membantu dia bertumbuh dalam kehidupan Kristiannya. Rancangkan satu lakonan pendek yang kurang daripada 5 minit, untuk menunjukkan bagaimana anda dapat memberi galakan atau dorongan kepada orang lain.
- (3) Satu cara menggunakan lidah anda dengan positif ialah dengan memberi teguran dan mengajar mereka supaya hidup suci dan salih. Rancangkan satu lakonan pendek yang kurang daripada 5 minit, untuk menunjukkan bagaimana anda dapat memberi teguran serta mengajar orang lain supaya bertambah suci dan salih.
- (4) Satu cara menggunakan lidah anda dengan positif ialah dengan memberkati orang lain. Memberkati di sini bermakna mengharapakan hal-hal yang baik bagi mereka dan memperkatakan yang baik tentang mereka. Rancangkan satu lakonan pendek yang kurang daripada 5 minit, untuk menunjukkan bagaimana anda dapat memberkati orang lain.



Renungan Firman Tuhan

1. Apa yang Alkitab katakan tentang orang yang menyimpan kebencian dan mengumpat? (Amsal 10: 18-19)
2. Bagaimana dengan lidah dan bibir orang yang benar? (Amsal 10:20,21)
3. Apa perbezaan antara orang yang pandai mengawal ucapan dengan yang tidak menjinakkan lidah? (Amsal 12:18)
4. Kenapa penting untuk kita mengucapkan sesuatu yang positif dan bukannya yang negatif terhadap orang lain? (Amsal 15:4).
5. Kita dinasihatkan untuk hati-hati dengan kata-kata kita. Kenapa? (Amsal 18:21)
6. Apa nasihat Rasul Paulus kepada kita dalam Roma 15:2?
7. Bagaimana dengan nasihat Paulus yang tercatat dalam Efesus 4:29?
8. Bagaimanakah orang yang dikatakan “berhikmat?” (Kolose 1:28 dan 3:16)
9. Apa yang dikatakan sebagai memberkati orang? (Lukas 6:28)



Renungan Peribadi

Anda akan diedarkan dengan kertas-kertas yang bertuliskan nama setiap orang dalam kumpulan ini (termasuklah kertas dengan nama anda sendiri). Setiap kali anda mendapat kertas tersebut, anda diminta untuk menulis sesuatu yang positif bagi mendorong nama teman

yang anda dapat. Ini akan dilakukan beberapa pusingan sehingga anda sudah menulis untuk setiap nama yang hadir.

Ingatlah bahawa ini adalah sesuatu yang dapat anda simpan, harga dan renungi kembali khasnya ketika anda menghadapi masa-masa yang mengecewakan. Anda pasti akan digalakkan dan didorong bila membaca kembali ciri-ciri baik diri masing-masing dan juga dikuatkan semangat kerana anda mempunyai kawan-kawan yang mengasihi anda.

Santapan Minda

“Tuhan telah memberi kita dua telinga, tetapi hanya satu lidah, untuk menunjukkan supaya kita cepat untuk mendengar tetapi lambat untuk berkata-kata. Tuhan juga telah memasang dua pintu pagar di hadapan lidah—gigi dan bibir, untuk mengajar kita berwaspada supaya kita tidak menyinggung perasaan orang lain dengan lidah kita.”

~ Thomas Watson



Doa

Doakan supaya anda akan serius dengan komitmen yang anda buat sepanjang pembelajaran buku ini untuk menggunakan lidah dengan lebih bijak dan positif. Akhir sekali, doakan agar Tuhan menyertai dan membantu anda dalam usaha anda menggunakan lidah dalam cara-cara yang memberkati orang lain.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Pencarian Diri



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa rakan-rakan sebaya mereka selalu mencari-cari makna siapakah diri mereka dan apakah kepentingan mereka sebagai manusia.
2. Mengetahui bahawa identiti dan nilai diri mereka berkaitan dengan siapa mereka dalam Tuhan dan nilai mereka kepada Dia.
3. Mengenal pasti pergumulan masing-masing dalam usaha mereka mengenali diri dan menyerahkan pergumulan-pergumulan tersebut kepada Tuhan.



Pencetus Minat

“Inilah Yang Anda Perlukan”

Tujuan aktiviti ini supaya para peserta memikirkan satu rekaan yang dapat memperbaiki rupa wajah orang.

1. Bahagikan para peserta kepada dua atau tiga orang sekumpulan, sebaik-baiknya sama jantina.
2. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap kumpulan.
3. Suruh mereka fikirkan tentang sekumpulan besar anak-anak muda yang tidak puas dengan rupa wajah sendiri – terlalu gemuk, terlalu pendek, tidak cukup berotot, tidak cantik, warna mata yang salah, warna rambut yang salah, rambut yang terlalu lebat, dsb.!
4. Jelaskan bahawa anda mahu mereka kenalpastikan perasaan pemuda-pemudi ini dan cuba reka sesuatu produk yang boleh dijual kepada mereka. Produk-produk mereka mungkin adaptasi, atau asli. Yang pentingnya, produk itu harus sesuatu yang diinginkan kerana ia dapat menjadikan pemakainya lebih cantik. Tidak perlu risau bagaimana menghasilkan produk itu. Suruh mereka gunakan kreativiti dan imaginasi.
5. Suruh mereka fikirkan tiga perkara berikut:
 - * Nama produk
 - * Fungsi dan ciri-ciri khas produk
 - * Bagaimana memasarkan produk
6. Kemudian suruh seorang wakil daripada setiap kumpulan mengongsikan buah fikiran mereka.
7. Suruh mereka undi buah fikiran kumpulan mana yang paling baik

- dan inovatif.
8. Kemudian biar mereka bincangkan soalan-soalan berikut:
- * *Jika anda berpeluang, mana satu di antara produk-produk ini yang akan anda beli?*
 - * *Apakah keperluan atau keinginan yang anda kenalpastikan sehingga membantu anda mencipta produk ini?*
 - * *Apakah produk-produk sebenar yang dibeli oleh anak-anak muda yang juga mempunyai fokus yang sama?*



Penjelasan:

1. Pada pendapat anda, mengapakah anak-anak muda tidak puas hati dengan keadaan diri masing-masing atau apa yang mereka miliki dan perlu mencari jalan memperbaiki diri mereka? (*Berikan mereka masa untuk respon*)
2. Ianya amat berkaitan dengan cara kita memandang diri kita sendiri dan anggapan kita tentang bagaimana orang lain menilai kita. (*Rujuk kepada beberapa poin yang sudah mereka katakan tadi.*)
3. Untuk remaja yang beralih daripada dunia kanak-kanak kepada dunia orang dewasa, mereka terasa tidak selamat dan tidak yakin dengan siapa diri mereka.
4. Satu frasa untuk menjelaskannya ialah '**krisis identiti**'. Anda mungkin berada pada tahap perkembangan di mana anda secara langsung atau tidak akan bertanya, "Siapakah diri saya ini?"
5. Ini disebabkan oleh banyak perubahan yang anda alami semasa anda beralih kepada zaman orang dewasa (berikan contoh-contoh daripada kehidupan anda sendiri sambil anda mengajar setiap perubahan berikut):
 - * **fisikal** – zaman akil baligh diiringi dengan segala perubahan fisikal
 - * **seksual** – sambil tubuh anda berkembang menurut jantina anda, anda turut mengalami perubahan dalam kelakuan dan sikap anda terhadap jantina lain.
 - * **sosial** – bila anda beralih daripada sekolah rendah kepada sekolah menengah, struktur sekolah berubah; kawan-kawan anda mungkin turut berubah; perhubungan anda dengan guru-guru dan ibu bapa juga akan mengalami perubahan kerana anda mahu diberi layanan yang berlainan.
 - * **moral** – anda semakin mengambil berat tentang apa yang anda fikir adalah betul dan salah; bukan sekadar menerima sahaja tanpa menyoal.

6. Segala perubahan ini memainkan peranan dalam pergumulan anda untuk menyatakan identiti diri.
7. Jika kita tidak tahu siapa diri kita, kita akan selalu mengambil kira anggapan atau pandangan orang lain tentang kita. Kita akan menjadi atau melakukan apa yang kita fikir akan diterima atau dipersetujui oleh orang lain.
8. Itulah sebabnya mengapa kita terlalu asyik dengan penampilan diri, supaya nampak kelihatan cantik kerana kebanyakan masa, itulah yang dipentingkan oleh dunia. Orang membuat penilaian berdasarkan apa yang dapat mereka lihat dengan mata kasar.
9. Dalam pergumulan anda mencari identiti diri, bagaimana anda boleh mendapatkan nilai diri yang tidak bergantung kepada faktor-faktor luaran ? Inilah yang akan kita cuba bincangkan hari ini.



Aktiviti Bersama Siapakah Diri Saya?



Penjelasan:

1. Bagaimana Kita Melihat/ Menilai Diri Sendiri

Terdapat empat cara kita melihat diri kita sendiri:

- i. Kita melihat diri kita sebagaimana orang lain melihat kita – ini berdasarkan kepada apa yang orang lain katakan tentang kita. Pendapat-pendapat ini mempengaruhi pandangan kita tentang diri kita sendiri. Sebagai contoh, jika beberapa orang memberitahu anda atau orang lain bahawa anda seorang yang bermurah hati, anda akan menerimanya sebagai sebahagian daripada karakter anda.
- ii. Kita melihat diri kita menurut apa yang kita fikir adalah pandangan orang lain tentang diri kita - ini berdasarkan pendapat-pendapat kita sendiri bagaimana orang lain menilai kita. Sebagai contoh, kadang-kadang kita berkelakuan tertentu semata-mata untuk memberi tanggapan bahawa kita memang bersifat demikian. Kita berpendapat orang lain menilai kita menurut kelakuan kita.
- iii. Kita melihat diri kita menurut pendapat kita sendiri tentang siapa diri kita yang sebenar, walaupun terdapat pengaruh ibu bapa dan kawan-kawan, namun ia merupakan pendapat peribadi kita. Sebagai contoh, orang mungkin berpendapat anda periang tetapi jauh di dalam hati, anda tahu anda perisau.
- iv. Kita melihat diri kita menurut apa yang ingin kita jadi di masa depan – walaupun ia masih belum menjadi realiti.

2. Bagaimana Kita Menilai Diri Kita Sendiri

- a. Apakah aspek diri anda yang paling anda hargai? Adakah personaliti, bakat, sikap anda atau apa yang anda miliki? (*Berikan mereka masa untuk respon*)
- b. Apakah aspek diri anda yang bernilai dan memberi anda keyakinan sehingga anda tidak perlu mendapatkan pengesahan kawan-kawan atau ibu bapa anda?
- c. Marilah kita kaji Firman Tuhan untuk mendapatkan beberapa prinsip-prinsip yang dapat membantu kita.



Renungan Firman Tuhan

Ringkaskan seperti berikut:

1. Kita Menemui Identiti Kita Berhubung Dengan Siapa Kita Di Dalam Tuhan

- a. Kita semua perlu tahu asal usul kita sebelum dapat menjawab soalan 'Siapakah diri kita'.
- b. Sebagai umat Tuhan, identiti kita terikat kepada siapakah kita berhubung dengan Tuhan.
- c. Malah identiti bangsa Israel dulu dan sekarang masih terikat dengan siapa mereka berhubung dengan Tuhan. Israel sedar asal usul dan destiniya bermula dengan Tuhan. Tuhan telah memilih mereka sebagai keturunan Abraham untuk membentuk sebuah bangsa yang hebat (*Kejadian 17:1-8*).
- d. Identiti Israel didasarkan kepada hakikat bahawa mereka adalah umat pilihan Tuhan (*Keluaran 6:7; Yesaya 43:1*). Tuhan mengakui Israel sebagai bangsa dan hamba-Nya, dan menjadikan Diri-Nya Tuhan mereka (*Yesaya 44:21; 51:4*).
- e. Dengan itu, Israel mengenalpastikan dirinya sebagai umat dan bangsa Tuhan yang terpilih, bangsa yang dicipta dan dibentuk demi diri Tuhan sendiri (*Yesaya 64:8; Mazmur 100:3*).
- f. Begitu juga dengan Daud. Daud tidak pernah memperkatakan tentang dirinya tanpa mengaitkannya dengan hubungannya dengan Tuhan.
- g. Bagi Daud, siapa dia, identitinya dan nilai dirinya, amat berkait rapat dengan siapa dia di hadapan Tuhannya. Dia memahami bahawa Tuhanlah yang telah mencipta Dia dan Tuhanlah yang amat mengasihi dia (*Mazmur 22:9-10*).
- h. Dengan itu, dia berasa selamat dan yakin menerima dirinya sebagaimana seadanya. Sama ada sebagai gembala mahupun raja, dia tetap selesa dalam peranan dan tanggungjawab masing-masing.

2. Kita Menemui Identiti Kita Berhubungan Dengan Betapa Bernilai Dan Bermaknanya Diri Kita Kepada Tuhan

- a. Kita turut mendapat nilai diri kita dengan mengetahui bahawa kita amat bermakna kepada Tuhan.
- b. Tidak ada yang lebih memuaskan daripada mengetahui bahawa kita bererti kepada orang lain. Apatah lagi, jika orang lain itu ialah Tuhan sendiri – Dia yang telah mencipta kita dan yang amat mengasihi kita!
- c. Kita bernilai dan berharga kerana Tuhan memberikan kita nilai itu dengan mengasihi kita.
- d. Kita penting dan amat berharga kepada Dia. Ini terbukti dengan kasih sayang dan penjagaan-Nya terhadap kita (*Mazmur 8:3-4; Mazmur 103:4, 17*).
- e. Itulah pengalaman Daud dengan Tuhan. Dia sedar bahawa dia amat dikasihi Tuhan dan bahawa Tuhan sentiasa bersamanya malah ketika dia berdepan dengan maut sekalipun. Dia juga sedar apa sekalipun yang dia libatkan dirinya, Tuhan-lah yang memimpin dan membimbing sepanjang jalan.
- f. Baik keadaan lancar mahupun sukar, dia dapat bergantung kepada Tuhan dan mempercayai bahawa Tuhan akan menjaga dia. Dia tidak perlu khuatir bahawa dia tidak penting atau ke arah mana tujuan hidupnya. Dia dapat menyerahkan segala itu kepada tangan Tuhan dan berjalan mematuhi dan mengasihi Dia (*Mazmur 16:7-8; Mazmur 62:6-7*).
- g. Oleh sebab itu, Daud tidak perlu bergumul mencari-cari nilai diri dalam apa yang dia lakukan. Dia tahu dia selamat dalam tangan Tuhan yang amat mengasihi dia. Itu sudah memadai.

3. Ringkasan

- a. Terdapat banyak cara anak-anak muda menentukan identiti dan nilai diri mereka.
- b. Tetapi identiti kita yang sebenar hanya boleh berpunca daripada hubungan kita dengan Tuhan yang mencipta dan mengasihi kita. Inilah yang memberi kita makna dan tujuan hidup.
- c. Jadi, tidak kira apa sekalipun musim hidup yang sedang anda lalui sekarang, ketahuilah bahawa anda penting dan bermakna; pertama-tama sekali kerana anda adalah anak Tuhan. Anda tidak perlu merasa diri anda tidak seberapa, atau anda perlu berusaha menjadi seperti orang lain supaya diterima mereka atau mencapai nilai diri.
- d. *Baca Efesus 1:5 kepada mereka.* Tuhan telah menyatakan dalam Yesus Kristus bahawa Dia cukup menghargai dan mengasihi kita

sehinggakan Dia mahu kita menjadi anak-anak-Nya.

- e. Anda penting dan hidup anda bermakna kerana anda amat dikasihi oleh Tuhan. Anda penting dan berharga bagi Tuhan – itu sudah mencukupi. Anda tidak perlu berusaha menjadi seseorang yang lain semata-mata mahu merasa diri anda penting.
- f. Sedarilah bahawa tidak ada sebarang hal yang dapat merampas kepentingan anda sebagai anak Tuhan yang tersayang.



Renungan Peribadi

Di bawah merupakan beberapa cara yang mungkin digunakan (nota disertakan atau boleh diperkembangkan):

- a. **Melalui hubungan kekeluargaan** – keluarga mempunyai kesan penting dalam pembentukan identiti. Untuk menegakkan diri sebagai individu tersendiri, anak-anak muda mungkin berusaha membebaskan diri daripada ikatan ibu bapa atau adik beradik. Mereka melakukan ini dengan berkelakuan berlainan atau dengan menimbulkan gangguan.
- b. **Melalui lambang-lambang berstatus** – para belia cuba menegakkan diri sebagai individu melalui prestij sama ada dengan apa yang mereka miliki atau tindak laku mereka. Mereka berharap, dengan cara ini, mereka akan diterima dalam kumpulan masing-masing.
- c. **Melalui kelakuan ‘kedewasaan’** – para remaja mempunyai keinginan kuat untuk menjadi seperti orang dewasa kerana jika mereka kelihatan semakin matang, semakinlah mereka mendapat pengesahan dan semakin dekatlah mereka ke arah mencapai identiti diri. Mereka mungkin merokok, melibatkan diri dalam aktiviti seksual, meminum minuman keras dan sebagainya kerana aktiviti-aktiviti ini dikaitkan dengan orang dewasa.
- d. **Melalui pemberontakan** – ini disebabkan oleh keinginan mahu menjadi unik namun tetap selamat dalam kumpulan masing-masing. Mereka menolak nilai-nilai keluarga, sekolah, gereja dan sebagainya dalam usaha mereka mahu menjadi lain daripada yang lain.
- e. **Melalui pendapat-pendapat orang lain** – persepsi diri mereka berubah bergantung kepada tanggapan mereka tentang bagaimana orang lain melihat mereka. Pengesahan daripada orang lain ini amat penting bagi pembentukan identiti.
- f. **Melalui idola-idola** – orang-orang muda sering terlalu sangat mahu dikaitkan dengan orang-orang terkenal. Idola-idola ini menjadi teladan atau contoh bagi mencuba berbagai peranan

serta kelakuan dan sikap baru.

- g. **Melalui pengecualian** – dalam pencarian mendapatkan identiti diri, para remaja mungkin menjadi tidak toleran dan mereka mengesampingkan orang yang tidak memiliki apa yang mereka tengah cari atau mengingatkan mereka kepada apa yang mereka tidak inginkan.
1. Ringkaskan dengan menjelaskan bahawa lambat laun setiap orang mungkin menggunakan salah satu cara ini untuk menegakkan identiti dan nilai diri mereka.
2. Namun, cabarlah mereka supaya selalu mengingatkan diri masing-masing bahawa mereka adalah anak-anak Tuhan, amat bernilai dan amat dikasihi-Nya. Beri mereka dorongan supaya tetap dengan keyakinan itu tidak kira apa yang mereka atau orang lain fikirkan atau katakan tentang diri masing-masing.



Doa

Akhirilah dengan berdoa semoga Tuhan akan memaktubkan dalam hati para peserta dengan kebenaran ini: bahawa mereka adalah anak-anak-Nya dan amat dikasihi oleh Tuhan. Doalah agar Tuhan akan membantu mereka menyematkan kebenaran ini dalam jiwa sanubari masing-masing supaya mereka akan menemui keselamatan dan keyakinan mereka berkaitan dengan siapa mereka di dalam Tuhan sambil mereka melalui musim-musim pertumbuhan dan perubahan dalam hidup mereka.

Sesi 2 : Gejala Lubang Gelap



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami pada umumnya manusia lebih mementingkan diri daripada bermurah hati disebabkan oleh sifat dosa
2. Mengetahui bahawa orang muda lebih cenderung mementingkan diri kerana mereka memusatkan perhatian pada diri sendiri dan keperluan masing-masing
3. Menyedari bahawa Alkitab mengajar kita untuk hidup bergantung kepada Roh Kudus dan bukannya terikat kepada keinginan-keinginan dosa serta pola kelakuan lama
4. Memikirkan dan mengenal pasti aspek-aspek hidup mereka yang mementingkan diri sendiri dan bagaimana mereka dapat berubah dalam aspek-aspek tersebut



Pencetus Minat **Permainan 'Beri dan Ambil'** (Diperlukan: Penyepit Kain)

Tujuan aktiviti ini ialah untuk memusatkan perhatian para peserta pada isu memberi atau mengambil daripada orang lain.

1. Bahagikan para peserta kepada tiga kumpulan: *Pemberi*, *Pengambil* dan *Robin Hood*
2. Beri lima penyepit kain kepada setiap orang. Mereka boleh menyepitnya di mana-mana bahagian baju mereka asalkan ianya dapat dilihat.
3. Bila tanda bermula diberikan, mereka harus bergerak sekeliling bilik dan melakukan apa yang sudah ditentukan menurut nama kumpulan masing-masing.
4. Jika mereka daripada kumpulan *Pemberi*, mereka harus memberi penyepit-penyepit kain kepada sesiapa yang mereka pilih. Jika mereka daripada kumpulan *Pengambil*, mereka harus mengambil daripada sesiapa yang mereka suka. Jika mereka daripada kumpulan *Robin Hood*, mereka harus membetulkan kesalahan dengan cara mencuri daripada mereka yang berlebihan dan memberi kepada mereka yang kekurangan.
5. Mereka boleh 'menjalankan' tugas mereka mengikut masa masing-masing. Mereka tidak perlu sekali gus memberi atau mengambil semua penyepit kain itu.
6. Beri mereka masa beberapa minit untuk bergerak sekeliling bilik sebelum anda menghentikan permainan.
7. Kemudian setiap kumpulan akan menggira apa yang masih tinggal

atau yang diperolehi untuk menentukan kejayaan setiap kumpulan.

8. Suruh mereka bincangkan soalan-soalan berikut:

- Adakah anda suka dengan peranan anda dalam permainan ini?
- Jika anda diberi pilihan, kumpulan mana yang akan anda pilih?
- Bagaimana permainan ini berbanding dengan kehidupan sebenar?



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Dalam kehidupan sebenar, keadaannya agak sama, bukan?
2. Ada yang mementingkan diri dan hanya menjaga diri sendiri. Biasanya mereka tidak kisah sangat jika keuntungan mereka didapati menerusi kerugian orang lain. Yang penting, kebajikan diri mereka dijaga terlebih dahulu.
3. Ada juga mereka yang lebih bermurah hati. Mereka lebih mengutamakan kepentingan orang lain. Pada pendapat anda, adakah kumpulan ini majoriti dalam masyarakat kita? *(Berikan mereka masa untuk respon)*
4. Orang yang bermurah hati sukar dicari hari ini. Kebanyakan orang, termasuk mereka yang dianggap baik hati, sering kali akan menjaga kepentingan sendiri terlebih dahulu.
5. Tentu sekali sukar dicari Robin Hood moden iaitu mereka yang merompak daripada orang kaya untuk membantu mereka yang miskin. Tetapi tentu sekali ada orang yang cuba membantu mereka yang kurang bernasib baik dengan cara yang tidak menyalahi undang-undang. *(Minta mereka berikan beberapa contoh bagaimana orang membantu golongan yang kurang bernasib baik.)*
6. Pada umumnya, kita akan dapati bahawa kebanyakan orang, termasuk diri kita sendiri, secara semulajadinya lebih mengutamakan diri sendiri.
7. Dalam sesi hari ini, kita mahu memberi perhatian kepada isu mementingkan diri sendiri dan mengetahui bagaimana menghadapinya menurut cara yang berkenan kepada Tuhan.

1. Disebabkan oleh Sifat Dosa

- a. Sama ada suka atau tidak, secara amnya kita semua cenderung mengutamakan diri sendiri. "Mengutamakan diri sendiri" di sini bermakna hanya mementingkan diri sendiri tanpa mengambil berat tentang orang lain.
- b. Tidak kira remaja, kanak-kanak atau orang dewasa, kita semua akan menjaga kepentingan diri sendiri terlebih dahulu.
- c. Jadi, jika diberi peluang, kita akan mengambil yang terbaik untuk diri sendiri dan bukannya untuk diberikan kepada orang lain; kita lebih rela adik-beradik kita yang menguruskan kerja rumah sambil kita sendiri lepak; kita lebih rela guru-guru memuji kita daripada memuji kawan

baik kita, dsb.

- d. Dari manakah asalnya sikap kepentingan diri ini? *(Berikan mereka masa untuk respon)*
- e. Kita semua dilahirkan dengan sikap ini. Ianya merupakan sebahagian daripada sifat semulajadi kita yang berdosa.
- f. Dalam pemberontakan kita terhadap Tuhan kita telah berpaling daripada Dia dan mengalihkan perhatian kepada diri kita sendiri pula.
- g. Kita telah menjadikan diri kita dewa-dewa dan dunia kita berputar sekeliling diri kita. Diri kitalah yang selalunya paling penting.

2. Disebabkan Perkembangan Mendewasa

- a. Satu sebab lain mengapa remaja lebih cenderung mementingkan diri ialah perkembangan mereka ke dunia orang dewasa.
- b. Semasa melalui perubahan-perubahan fizikal, identiti seksual, keinginan berdikari dan siapa diri anda, tentu sekali anda akan lebih menumpukan perhatian pada diri sendiri.
- c. Bagaimanakah orang menunjukkan sikap mementingkan diri ini? *(Luangkan masa bagi mereka memberi respon. Jika mereka sudah pun memperkatakan hal ini dalam 'perbahasan', rujuklah kepada apa yang sudah mereka bincangkan.)*
- d. Tetapi, walaupun ianya sebahagian daripada sifat semulajadi serta terikat dengan proses perkembangan hidup, bolehkah anda memberi alasan bahawa memang begitulah sikap anda atau bahawa anda tidak berdaya melakukan apa-apa? *(Biar mereka memberi respon.)*
- f. Bolehkah kita menentang sikap mementingkan diri ini dan berubah menjadi peribadi yang lebih mengutamakan orang lain?
- g. Marilah kita lihat apa yang dikatakan dalam Alkitab tentang hal ini.

1. Memikirkan Orang Lain (Filipi 2:3-8)

- a. Paulus sedar bahawa kita cenderung memikirkan diri sendiri terlebih dahulu. Oleh itu dia menyeru kita memupuk sikap yang berlainan sebagai murid-murid Kristus.
- b. Sikap kita sepatutnya mencontohi Yesus Kristus yang tidak mengutamakan kepentingan diri-Nya ketika Dia datang ke bumi.
- c. Dia mengosongkan diri-Nya daripada segala hak keilahian. Dia datang untuk melayani kita dan mengorbankan diri-Nya demi kita.
- d. Satu sebab mengapa kita mementingkan diri ialah kerana kita berpendapat bahawa memang hak asasi kita menjaga diri sendiri

terlebih dahulu sebelum kita memikirkan orang lain. Tetapi Yesus menunjukkan cara yang lain.

- e. Dia menunjukkan kepada kita bahwa kita harus mencontohi-Nya dan memikirkan orang lain sebagai lebih baik daripada diri sendiri. Kita harus memberi tumpuan kepada orang lain dan menjaga kepentingan mereka dan bukannya asyik menumpukan perhatian kepada diri sendiri sahaja.
- f. Tuhan tidak menempatkan kita di dunia hanya untuk kepentingan sendiri serta menikmati diri sendiri.
- g. Sikap kita sebagai pengikut Yesus tidak harus tetap “Saya” terlebih dahulu.

2. Menuruti Roh (Galatia 5:16-26)

- a. Paulus mengingatkan kita bahawa melakukan kehendak Allah bukanlah senang.
- b. Sikap semulajadi kita selalu menentang apa yang dikehendaki oleh Roh Kudus. Sering kali kita sedar apa yang harus dilakukan tetapi kita dapati sukar untuk mematuhi.
- c. Apakah jawapan yang diberi oleh Paulus kepada kita? (*Biarlah mereka memberi respon.*)
- d. Paulus menyeru kita supaya hidup menuruti Roh. Bila kita hidup menuruti Roh, kita berkebolehan mengatasi keinginan sifat dosa kita. Ini disebabkan kuasa dosa yang mengikat kita sudah pun dihapuskan oleh kematian Yesus.
- e. Jika kita hidup menurut Roh dan bergantung kepada Roh, kita mempunyai kuasa mengatasi dosa, tidak lagi melakukan dosa dan mengikuti cara hidup lama.
- f. Apakah maknanya ‘hidup menurut Roh’? (*Biarlah mereka memberi respon.*)
- g. Maknanya, kita hidup mematuhi apa yang diajar oleh Roh. Yesus mengatakan bahawa Tuhan memberi kita Roh Kudus untuk mengajar dan mengingatkan kita kepada segala yang telah diajar-Nya (*Yohanes 14:26*).
- h. Maknanya, setiap hari kita mematuhi Roh Kudus bila Dia mengingatkan kita kepada ajaran-ajaran Yesus dalam Alkitab.
- i. Hidup menurut Roh adalah satu pilihan yang kita buat setiap hari sebagai pengikut-pengikut Yesus.
- j. Bila kita hidup menurut Roh, Dia akan mengembangkan buah kebaikan dan kemurahan menggantikan sikap mementingkan diri dalam hidup kita.

3. Menerima Padahnya (Galatia 6:7-10)

- a. Paulus memberi kita amaran bahawa kita tidak boleh memberi

alasan kita tidak dapat berubah. Apa yang kita tanam, itulah yang akan kita tuai.

- b. Jadi, jika kita membuat pilihan tidak mahu berubah dan meneruskan corak hidup lama dalam sifat kedosaan, akhirnya kita akan menerima padahnya bila Tuhan mengadili kelak.
- c. Kita tidak boleh mengakui diri kita anak-anak Tuhan jika kita terus berjalan dalam kegelapan dan dosa (*suruh mereka menujuk kepada 1 Yohanes 1:6, 10*). Kita harus hidup mencontohi Yesus jika kita mengaku diri kita anak-anak Tuhan (*1 Yohanes 2:6*).
- d. Jika kita terus mengingkari seruan Tuhan supaya lebih mengutamakan orang lain, kita akhirnya akan berada di luar tujuan dan kehendak Tuhan dan seterusnya hilang persekutuan dengan Dia. (*Galatia 5:21b*).
- e. Itulah akibat-akibatnya jika kita tidak menghiraukan sikap mementingkan diri ini dan meneruskan cara hidup lama.
- f. Paulus menyeru kita supaya bersabar dan jangan kecewa berbuat baik. Kita harus menjaga kebajikan orang lain. Tiba masanya, Tuhan akan memberi kita ganjaran yang sewajarnya.
- g. Jadi, pilihan dalam tangan anda sama ada anda mahu berusaha mengurangkan sikap mementingkan diri dan mencontohi Yesus dan lebih mengutamakan orang lain. Anda mempunyai Roh Kudus untuk memimpin dan menguatkan anda supaya mengalihkan pusat perhatian daripada diri sendiri kepada orang lain.



Doa

Suruh mereka mohon pengampunan daripada Tuhan atas sikap mementingkan diri. Suruh mereka doakan agar Tuhan memperkuat mereka untuk hidup menurut Roh serta mematuhi-Nya.

Sesi 3 : Pertembungan Kemahuan



Objektif-Objektif Sesi

1. Mempelajari bahawa Tuhan menghendaki mereka tunduk kepada satu sama lain dan kepada mereka yang berkuasa atas mereka berasaskan kepada rasa hormat kepada Yesus Kristus.
2. Memahami bahawa mereka yang berkuasa atas mereka akhirnya bertanggungjawab kepada Tuhan terhadap jagaan mereka
3. Menyedari bahawa kesombonganlah yang menghalang mereka daripada tunduk kepada orang lain
4. Berbincang bersama-sama dan saling membantu mengemukakan beberapa saranan bagaimana tunduk kepada orang-orang yang mereka dapati sukar dipatuhi



Pencetus Minat

Katakanlah...

1. Bahagikan para peserta kepada empat atau lima orang sekumpulan.
2. Bacakan keadaan berikut kepada mereka:

Terdapat seorang guru yang amat menyedihkan. Pertama, dia tidak tahu mengajar. Kedua, atas sebab-sebab yang hanya diketahuinya sendiri, dia selalu bercakap ketika menulis di atas papan tulis. Ertinya, hanya papan tulis yang dapat mendengar apa yang dia katakan! Jadi, kebanyakan masanya semua murid tidak memberikan perhatian. Tidak ada yang takut akan dia atau ancaman-ancamannya untuk menghukum mereka. Tetapi malang sekali, dia sendiri mendapati kelasnya menakutkan.

Suatu hari, dia tidak dapat bertahan lagi. Setelah menjerit beberapa kali untuk mendapatkan perhatian yang langsung tidak diendahkan oleh kelasnya, dia akhirnya membelakangi papan tulis. Dia tenang anda semua dan berkata dalam suara nyaring bahawa dia akan menahan seluruh kelas. Pada ketika itu, loceng tamat berbunyi. Dia mengemaskan barang-barangnya dan memberi amaran, "Baik kamu semua hadir, jika tidak" Dengan itu, dia meninggalkan kelas anda.

Kebanyakan kawan-kawan kelas anda langsung tidak akan hadir. Mereka berpendapat dia tidak akan berbuat apa-apa kepada

*mereka jika mereka tidak datang. Bagaimana dengan anda?
Apakah yang akan anda lakukan?*

3. Minta mereka bincangkan bagaimana mereka akan bertindak balas dan mengapa mereka berbuat demikian.
4. Kemudian suruh seorang wakil daripada setiap kumpulan untuk mengongsikan respon dan sebab-sebab masing-masing.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah terdapat satu respon yang betul kepada keadaan sebegini? *(Biar mereka memberi respon dan kemudian minta mereka cadangkan apa yang patut dilakukan.)*
2. Minta mereka kenalpastikan apakah isu-isu yang terlibat di sini.
3. Isu utama di sini ialah sama ada anda akan tunduk kepada guru itu dan mematuhi.
4. Adakah alasan-alasan seperti “dia tidak akan lakukan apa yang diancamnya”, atau “padan muka dia, cikgu yang tak tahu mengajar!” boleh digunakan, dsb *(Anda boleh merujuk kepada apa yang mereka kemukakan)* sebagai sebab tidak mematuhi?
5. Sebagai murid Yesus, apakah tanggungjawab anda dalam keadaan begini di mana tidak ada orang yang menuruti dan anda pula tidak dapat menghormati guru yang mengeluarkan perintah itu?
6. Inilah yang menjadi tajuk perbincangan hari ini – tanggungjawab anda berkaitan dengan isu menuruti atau mematuhi pihak berkuasa.

B. Isu Kepatuhan

1. ‘Tunduk’ ertinya kita mengizinkan diri mematuhi. Maknanya, walaupun anda tidak ingin atau suka melakukannya, anda tetap akan mengikuti atau menuruti.
2. Antara golongan-golongan orang ini *(rujuk kepada apa yang sudahpun mereka katakan awal tadi)* golongan mana yang paling sukar dipatuhi? *(Minta beberapa orang memberi respon. Kemudian suruh mereka berikan sebab-sebab mereka.)*
3. Mengapakah sukar untuk kita tunduk atau mematuhi orang lain dan khasnya mereka yang kita tidak suka atau mereka yang bermasalah dengan kita? *(Beri mereka peluang menyatakan pendapat masing-masing.)*
4. Dalam keadaan yang bagaimana barulah kita dikatakan boleh mengingkari mereka yang berkuasa atas kita?

5. Marilah kita perhatikan siapakah yang harus kita turuti dan bagaimana kita harus bertindak balas.

C. Seruan Supaya Tunduk

1. Tunduk Kepada Satu Sama Lain (Efesus 5:21)

- a. Sebagai anak-anak Tuhan, kita dikehendaki saling kasih mengasihi serta tunduk menunduk kepada satu sama lain.
- b. Ertinya, demi kasih, kita tidak akan berkeras dengan cara dan kemahuan kita sendiri.
- c. Dengan cara mengasihi satu sama lain dan mengutamakan orang lain maka kita dapat merelakan diri untuk tunduk kepada orang lain.
- d. *Rujuk kepada sebab-sebab yang mereka berikan mengapa mereka gagal tunduk kepada orang lain. Satu sebab utama yang diberikan oleh Alkitab ialah kesombongan kita (1 Petrus 5:5).*
- e. Hanya dengan merendahkan diri sendiri di kalangan satu sama lain maka kita akan mendapati lebih senang untuk tunduk kepada satu sama lain.
- f. Satu-satunya keadaan di mana kita tidak dipertanggungjawabkan untuk tunduk kepada sesiapa atau mana-mana pihak berkuasa ialah ketika kita diminta melakukan sesuatu yang menentang Hukum Allah seperti yang tertera dalam Alkitab. *Minta mereka berikan beberapa keadaan sedemikian.*
- g. Tetapi sebab utama kita diseru tunduk kepada satu sama lain ialah kerana kasih dan hormat kita terhadap Yesus. Tuhan tahu bahawa sifat semulajadi kita sukar tunduk. Namun Dia menyeru kita melakukannya demi kasih kita terhadap Yesus kerana Yesus juga telah melakukan hal yang sama ketika Dia datang ke dunia. Dia yang berupa Allah, menyerahkan segala hak-Nya sebagai Tuhan dan tunduk kepada cara hidup manusiawi.

2. Tunduk Kepada Mereka Yang Lebih Tua (1 Petrus 5:5)

- a. Kita diseru tunduk kepada mereka yang lebih tua.
- b. Mungkin hal ini lebih mudah bagi kita orang Asia kerana memang budaya kita menekankan kepentingan menghormati mereka yang lebih tua.
- c. Sebagai anak-anak remaja dalam dunia serba moden hari ini dengan pelbagai idea-idea baru, anda perlu ingat bahawa tradisi Asia ini selaras dengan ajaran Alkitab.
- d. Anda tidak berhak bersikap memberontak atau biadab terhadap mereka yang lebih tua semata-mata kerana anda fikir anda lebih berpengetahuan daripada mereka.

- e. Anda mungkin tidak setuju tetapi anda harus belajar tunduk kecuali jika ia melibatkan hal yang bertentangan dengan ajaran Alkitab.

3. Tunduk Kepada Mereka Yang Berkuasa

a. Pihak Berkuasa (Roma 13:1-5)

- i. Paulus memberitahu kita bahawa kita bertanggungjawab tunduk kepada pihak berkuasa yang memerintah kita seperti kerajaan atau raja, dsb.
- ii. Apakah sebab yang diberikan? *Beri mereka peluang meluahkan pendapat.*
- iii. Bagi pihak Paulus, kuasa-kuasa yang memerintah ini telah ditempatkan oleh Tuhan untuk mempertahankan undang-undang dan menghukum mereka yang melanggarnya.
- iv. Jadi jika kita tidak tunduk, pada dasarnya kita memberontak terhadap apa yang sudah diatur oleh Tuhan.
- v. Bagaimana pula jika pihak berkuasa korup atau mengamalkan tindakan-tindakan yang tidak adil atau jahat? *Rujuk kepada beberapa contoh semasa dan minta mereka memberikan respon.*

b. Kuasa Sosial (Efesus 5:22-24; 6:1-8)

- i. Prinsip yang sama turut menjadi amalan dalam semua keadaan di mana terdapat kuasa di atas kita, seperti ibu bapa, guru-guru, majikan-majikan, dsb.
- ii. Dalam Efesus 5, selepas Paulus memperkatakan tunduk kepada satu sama lain, dia mengutamakan tiga golongan yang disuruh tunduk – isteri-isteri, anak-anak dan hamba-hamba.
- iii. Paulus tidak mengatakan bahawa mereka yang berkuasa boleh memerintah atas mereka dan mengambil kesempatan atas mereka yang tunduk.
- iv. Dia menyeru suami-suami mengasihi isteri masing-masing sama seperti mereka mengasihi diri mereka sendiri. Ibu bapa pula harus pastikan bahawa mereka tidak membuat anak-anak mereka geram atau hilang sabar. Tuan-tuan harus melayani hamba-hamba mereka dengan hormat, kerana mereka juga mempunyai tuan yang sama di syurga yang melayani mereka dengan adil.
- v. Jadi, tunduk kepada ibu bapa atau guru-guru anda bukanlah satu pilihan – anda diarah oleh Tuhan untuk mematuhi sama ada anda suka atau tidak dan sama ada

anda setuju dengan mereka atau tidak.

C. Kuasa Gereja (Ibrani 13:17)

- i. Penulis surat Ibrani memberitahu kita supaya tunduk kepada ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin gereja juga.
- ii. Apakah sebab yang diberikan? *Luangkan masa supaya mereka memberi respon.*
- iii. Mereka bertanggungjawab kepada Tuhan terhadap kehidupan kita kerana mereka telah diberi tanggungjawab untuk menjaga kita.

4. Tunduk Bukan Sesuatu Yang Buruk

- a. Mungkin anda fikir tidak adil anda harus tunduk setiap masa. Anda berpendapat bahawa mereka yang berkuasa atas anda itu selalunya mempunyai kelebihan. Tetapi, daripada perspektif Alkitab, mereka yang berkuasa atas kita sebenarnya memikul tanggungjawab yang lebih berat.
- b. Tuhan mengkehendaki mereka memberi tanggunganjawab atas layanan dan penjagaan terhadap mereka yang di bawah kuasa atau pemerintahan mereka.
- c. Inilah arahan Tuhan – mereka yang di bawah kuasa harus tunduk dan mereka yang berkuasa bertanggungjawab menjaga kebajikan tanggungan mereka.
- d. Seperti yang sudah dibincangkan awal tadi, salah satu sebab utama anda mendapati sukar untuk tunduk ialah kerana kesombongan. Anda berpendapat jika anda tunduk kepada orang lain, anda berada pada kedudukan bawah dan hal ini menyinggung perasaan anda.
- e. Ianya lebih sukar jika anda tidak tahan dengan orang itu atau tidak menghormatinya. Tambahan lagi, sebagai remaja, anda sedang mengharungi musim “Saya mempunyai hak memberikan pendapat saya” dan “Saya lebih tahu daripada kamu.”
- f. Tetapi, Tuhan telah menentukan beberapa hukum supaya kita, sebagai umat-Nya dapat hidup harmoni dengan satu sama lain. Ini termasuklah tunduk kepada orang lain dan kepada mereka yang berkuasa atas kita.
- g. Ada masanya mereka yang berkuasa atas kita mungkin menyalahgunakan kuasa mereka tetapi kita masih perlu memenuhi tanggungjawab kita. Kita harus berdoa supaya Tuhan memberi kita kebijaksanaan bagaimana menangani keadaan itu dan doakan juga untuk orang tersebut.



Doa

Akhiri sesi ini dengan berdoa memohon Tuhan terus membantu para peserta mengembangkan sikap kerendahan hati dan tunduk menunduk kepada satu sama lain serta kepada mereka yang berkuasa. Doakan semoga kemurahan Tuhan menyertai mereka mengharungi pergumulan ini khususnya dengan mereka dapati sukar untuk tunduk.

Sesi 4 : Rahsia Kejayaan



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa mereka tidak boleh mengharungi hidup tanpa berhaluan dan masih mengharapkan dapat memenuhi potensi mereka sebagai anak-anak Tuhan.
2. Mengetahui bahawa ketekunan, disiplin dan kebergantungan terhadap Tuhan adalah sifat-sifat penting yang harus dipupuk supaya dapat mencapai rancangan Tuhan yang tersedia bagi mereka
3. Memikirkan apa yang dapat mereka lakukan untuk mengembangkan salah satu sifat tersebut dalam hidup mereka



Pencetus Minat *Cuba, Dan Cuba Lagi?*

Aktiviti ini bertujuan merangsang para peserta untuk memikirkan tindak balas mereka bila berhadapan dengan halangan-halangan dalam hidup mereka.

1. Bahagikan para peserta kepada empat atau lima orang sekumpulan.
2. Nyatakan keadaan berikut kepada mereka:

Salah satu kegemaran Ah Seng ialah bermain bola keranjang. Sering kali anda menemui dia di gelanggang bola keranjang di sekolah atau melambung-lambung bola di depan rumahnya. Cita-citanya ialah untuk mewakili pasukan sekolah. Malangnya, tidak kira berapa kuat dia mencuba, dia tetap tidak terpilih. Sebab utamanya ialah ketinggiannya – dia selalu dikatakan rendah kerana hanya berukuran 162 sm tinggi walaupun dia pantas bergerak. Sudah dua tahun berturut-turut, pelatih sekolah tidak memilihnya. Ejekan yang sering kedengaran ialah pelatih sekolah sedang menunggu dia bertumbuh lebih tinggi! Sekali ini, percubaan kali ini sudah menjelang tetapi pelatihnya masih guru yang sama.

Jika anda adalah Ah Seng, adakah anda akan berlatih dengan sekuat-kuatnya dan cuba lagi? Atau anda lepaskan cita-cita ini dan hanya main untuk kelas atau rumah sukan anda? Berikan sebab-sebab anda.

3. Biar mereka bincangkan apa yang mereka akan lakukan dan sebab-sebab mereka membuat pilihan masing-masing.

4. Kemudian, suruh mereka pilih salah seorang untuk mengulas perbincangan mereka.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Kita semua bertindak balas dengan cara yang berlainan bila kita berhadapan dengan kekecewaan atau halangan.
2. Ada di antara kita tidak berani berdepan dengan kegagalan. Tindak balas kita yang biasa ialah tidak mahu mencuba lagi jika terdapat kemungkinan kita akan gagal.
3. Ada di antara kita pula sangat berlainan. Tidak kira berapa kali kita gagal, kita tidak mudah kecewa. Selagi kita mempunyai matlamat, kita akan berusaha mencapainya walaupun terpaksa bekerja keras dan melalui kesukaran.
4. Ada pula di antara kita yang di tengah-tengah. Kita mungkin akan berusaha mencapai cita-cita kita tetapi kita tidak dapat bertahan setelah satu atau dua kali mencuba.
5. Tentu sekali, ada juga yang mahu jalan yang senang. Kita tidak mahu tekanan. Kita tidak minat sangat dalam hal-hal yang memerlukan kerja keras. Kita hanya mahu melakukan yang paling sedikit dan menghabiskan masa seterusnya menikmati diri sendiri.
6. Hidup bukanlah perjalanan yang senang khasnya jika kita mahu mencapai sesuatu dalam kehidupan kita. Kita pasti berdepan dengan kesukaran dan halangan yang mungkin mengecewakan kita. Tetapi sebenarnya, halangan paling besar ialah diri kita sendiri.
7. Sering kali sikap kita yang tidak apa, malas dan kurang motivasilah yang menjadi halangan kita. Kita mahu hidup lancar, dan tanpa banyak usaha kita masih dapat mencapai apa yang kita idamkan.
8. Memang senang membuat pengakuan menjadi seorang Kristian tetapi hidup sebagai seorang Kristian tidaklah mudah. Membuat pengakuan melibatkan kita mempercayai Yesus dan menerima kurnia keselamatan daripada Tuhan.
9. Sementara, hidup sebagai seorang Kristian pula bererti anda harus hidup sebagai murid Yesus Kristus yang setia dan menghasilkan buah bagi-Nya.
10. Hidup taat dan menghasilkan buah bukanlah senang. Kita, kebanyakannya lebih suka ambil jalan senang dan mudah. Sekali lagi, halangan terbesar ialah diri kita sendiri dan sikap kita.
11. Apakah yang kita perlukan dalam hidup supaya kita dapat

mengatasi halangan-halangan dalaman ini agar dapat bertumbuh mencapai rancangan Tuhan bagi kita dan menghasilkan buah?

12. Inilah yang kita mahu bincangkan dalam sesi ini.

B. Rahsia Kejayaan

Tujuh Amalan Berhasil Seseorang Yang Berjaya

(Diperlukan: Kertas, pensel)

1. Suruh mereka tetap dalam kumpulan masing-masing.
2. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap kumpulan.
3. Suruh mereka bincangkan sikap atau sifat yang diperlukan supaya berjaya dalam apa jua yang mereka lakukan.
4. Suruh mereka sediakan senarai *Tujuh Amalan Berhasil Seseorang Yang Berjaya*
5. Kemudian, sediakan juga senarai *Tujuh Amalan Yang Tidak Berhasil*.
6. Minta setiap kumpulan mengongsikan apa yang mereka bincangkan.

Ringkaskan seperti berikut:

- a. Berapa ramaiakah di antara anda yang berpendapat anda memiliki lebih amalan berhasil berbanding dengan amalan tidak berhasil?
Biar mereka memberikan respon masing-masing.
- b. Sering kali kita mahu kejayaan tanpa terlalu berusaha. Kita mahu jalan yang senang.
- c. Sebagai umat Tuhan, kita diseru mengamalkan hidup yang berhasil, yang membolehkan kita melayani Tuhan sebaik-baiknya.
- d. Kita harus mengubah sikap-sikap dan amalan-amalan lama kita jika kita mahu berhasil, baik secara rohani mahupun dalam semua aspek kehidupan kita.
- e. Antara semua watak yang ditemui dalam Perjanjian Baru, Rasul Paulus merupakan contoh orang Kristian yang hidup sepenuh-penuhnya.
- f. Hidupnya juga digunakan oleh Tuhan dengan hebat sekali.
- g. Apakah sikap-sikap dan sifat-sifat Paulus yang membolehkan dia mengharungi berbagai pengalaman namun tetap setia kepada Tuhan serta sanggup hidup atau mati demi Injil? Apakah yang membolehkan dia menjadi peribadi rohani yang begitu 'berhasil atau berjaya'?
- h. Rahsia kejayaan Paulus adalah:
 1. **Hidup yang Tekun**
 - a. Salah satu sebab mengapa ramai orang tidak berjaya ialah mereka tidak sanggup berusaha.

- b. Ada di antara kita yang puas dengan melakukan yang paling sedikit atau hanya apa yang perlu sahaja. Sifat malas kita menyebabkan kita sanggup melalui hidup tanpa banyak berusaha.
- c. Ada kalanya, kita bersikap tidak apa, tidak ambil berat langsung. Ada kalanya mungkin kurang bermotivasi – tidak ada apa-apa yang dapat membuat kita teruja.
- d. Tetapi jika anda lihat hidup Paulus, anda akan dapati bahawa Paulus amat tekun dan rajin serta bermotivasi.
- e. Bukan sahaja dia menyeru kita supaya tekun dan rajin dalam segala yang kita lakukan serta melakukan yang sebaik-baiknya (*Kolose 3:23-24*), dia sendiri mengamalkannya (*1 Tesalonika 2:6-9*).
- f. Apakah yang menjadi motivasi Paulus sehingga dia begitu tekun dan rajin? *Biar mereka memberi respon.*
- g. Motivasi Paulus ialah kasihnya terhadap Tuhan dan keinginannya supaya hidupnya bermakna demi Yesus. Dia melakukan yang terbaik bukan untuk orang lain atau dirinya sendiri tetapi demi Yesus.
- h. Kita membaca bahawa dia berusaha kuat menyebarkan Injil kepada orang-orang di sekelilingnya ke mana sahaja dia pergi. Pada masa yang sama, dia bekerja untuk menyara dirinya supaya dia tidak menjadi beban kepada orang lain.
- i. Dalam semua karya Paulus, kita mendapati bahawa dia amat tekun khasnya berkaitan dengan kehidupan rohaninya. Dia berusaha supaya hidup suci dan kudus walaupun berdepan dengan berbagai kesukaran. Dia menggalakkan kita supaya turut melakukan hal yang sama.
- j. Kebanyakan kita lebih suka keselesaan tetapi Paulus menyeru kita bersabar, bertahan dan berusaha kuat dalam setiap aspek kehidupan kita.
- k. Disebabkan oleh ketekunan dan ketahanannya, hidupnya berhasil dan meninggalkan pengaruh dan kesan yang besar kepada begitu ramai orang sehingga hari ini.

2. Hidup Yang Berdisiplin

- a. Seiring ketekunan ialah disiplin atau kawalan diri. Ianya disenaraikan sebagai salah satu buah Roh Kudus.
- b. Paulus membandingkan kehidupan Kristian sebagai seorang ahli sukan yang bertanding dalam suatu perlumbaan (*1 Korintus 9:24-27*). Jika mahu menang, pelumba harus menjalankan latihan ketat serta mendisiplinkan tubuhnya. Pelumba itu harus berusaha supaya dia menang.

- c. Kita harus menjalankan hidup kita seperti itu. Janganlah kita tidak bermotivasi dan tanpa tujuan, tidak tahu dan tidak ambil berat ke arah mana haluan hidup kita.
- d. Anda perlu menentukan tujuan hidup anda. Apakah tujuan atau cita-cita anda? *Biarlah mereka memberi respon.*
- e. Bagi Paulus, tujuan hidupnya ialah mengenali Kristus dan dianugerahkan hidup kekal (*Filipi 3:10-14*). Dengan itu dia mengatur hidupnya sedemikian untuk memastikan bahawa tujuan hidupnya tercapai (*1 Korintu 9:26-27*).
- f. Sebagai Kristian, tujuan utama kita juga sama dengan Paulus. Tujuan-tujuan yang lain harus tertakluk kepada tujuan utama ini iaitu mengenali Yesus Kristus. Setiap masa, kita jalani hidup dengan kesedaran bahawa matlamat utama kita ialah untuk mengenali Yesus.
- g. Jika anda mahu berhasil bagi Tuhan, anda perlu tahu tujuan hidup anda dan kemudian mendisiplinkan hidup supaya mencapai tujuan-tujuan tersebut.
- h. Sebagai contoh, jika anda mahu lebih erat dengan Tuhan, anda perlu disiplinkan diri supaya bertemu dengan Tuhan setiap hari, anda perlu mendisiplinkan diri meluangkan masa berdoa dan membaca Firman Tuhan.
- i. Jika anda mahu menjadi ahli muzik yang cemerlang, anda perlu disiplinkan diri supaya berlatih dan berusaha keras.
- j. Jika kita mahu berjaya dalam apa hal sekali pun, kita tidak boleh bersikap tidak apa atau malas. Untuk berjaya, kita perlu berdisiplin dan tekun.

3. Hidup Yang Bergantung Kepada Tuhan

- a. Kedua-dua ketekunan dan disiplin merupakan usaha kita. Namun kita perlu sedar bahawa tanpa Tuhan, kita tidak dapat melakukan apa-apa.
- b. Paulus mempelajari kebenaran ini dengan praktiknya bila Tuhan mengizinkan dia mengharungi masa-masa yang sukar dan susah (*2 Korintus 11:23-30*). Dia dimasukkan ke dalam penjara, disebat banyak kali, dilempari batu, dipukul dan kapal yang dinaikinya tenggalam. Dia mengalami kelaparan, kesejukan, ketelanjangan dan sering berada dalam bahaya diserang dan dibunuh.
- c. Melalui kesemua kesukaran dan penderitaan ini, dia belajar bergantung kepada Tuhan dan Tuhan tidak pernah mengecewakannya.
- d. Dia dapat berkata dia bersuka dalam kelemahan, ejekan,

kesukaran dan penganiayaan demi Yesus kerana dia bergantung kepada Tuhan dan kuasa Yesus tampak dalam hidupnya (2 Korintus 12:9-10).

- e. Oleh sebab dia bergantung kepada Tuhan, Paulus dapat bertahan dan bergerak ke arah mencapai kemenangan, mencapai hadiah yang tersedia bagi dia.
- f. Jika kita bergantung kepada diri, keupayaan dan kekuatan sendiri, kita tidak akan mengecapi kejayaan yang abadi. Akan tiba saatnya bila keupayaan dan kekuatan kita tidak mencukupi.
- g. Bila kita menghadapi tekanan yang amat hebat atau kesukaran yang amat sangat, sering kali kita dapati kita tidak dapat bertahan.
- h. Disebabkan oleh kesombongan kita, banyak kali kita mahu melakukan sesuatu menurut cara kita. Kita berpendapat bahawa kita berupaya menghadapinya mengikut cara sendiri. Inilah cara yang paling mudah menyimpang keluar kehendak Tuhan – iaitu bila kita cuba mengemudi hidup sendiri.
- i. Hanya bila kita belajar bahawa rahsianya ialah kita bergantung kepada Tuhan, barulah kita mendapati kekuatan dan motivasi mengharungi apa sekali pun yang melintasi hidup kita.
- j. Bila anda belajar bergantung kepada Tuhan, Dia akan memimpin dan menunjukkan rencana-Nya untuk hidup anda. Dengan itu, dapatlah anda yakin bahawa apa yang anda lakukan adalah betul dan anda berada pada haluan yang benar.



Doa

Akhiri sesi ini dengan menyerahkan para peserta ke dalam tangan Tuhan yang pengasih. Doakan Dia akan terus menjaga dan mengajar mereka supaya hidup tekun, berdisiplin dan bergantung kepada-Nya. Kemudian, minta mereka semua berdiri dan baca bersama-sama seruan Paulus daripada Filipi 3:12-14.

Sesi 5 : Menjinakkan Lidah



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa lidah boleh digunakan bagi kedua-dua tujuan baik dan tujuan jahat
2. Menyedari bahawa apa yang masuk minda dan hati kita menentukan apa yang keluar daripada mulut kita
3. Membuat komitmen mengizinkan hanya hal-hal yang berkenan kepada Tuhan mempengaruhi minda dan hati mereka



Pencetus Minat

Permainan Minda

Aktiviti ini bertujuan menggalakkan para peserta memikirkan seberapa banyak patah perkataan yang dapat mereka susun dengan menggunakan huruf 'an'

1. Bahagikan para peserta kepada tiga atau empat orang sekumpulan.
2. Beritahu mereka bahawa anda akan memberi mereka masa 5 minit untuk memikirkan seberapa banyak patah perkataan yang mengandungi 'an' (Contoh: roh**ani**, **dan**, han**ya**, Firman dsb)
3. Jelaskan bahawa kedua-dua huruf 'a' dan 'n' tidak boleh berasingan dan mesti berada sebelah menyebelah setiap perkataan. Hanya perkataan-perkataan yang tidak dijumpai dalam senarai kumpulan lain sahaja yang dimasukkan kira. Jadi, mereka harus cuba fikirkan perkataan-perkataan yang mungkin di luar jangkaan kumpulan lain.
4. Selepas 5 minit, minta seorang wakil daripada setiap kumpulan bacakan senarai masing-masing. Sebarang perkataan yang turut terdapat pada senarai kumpulan lain mesti dibatalkan. Kemudian suruh mereka kira berapa patah perkataan yang masih tertinggal pada senarai mereka. Pemenang ialah kumpulan yang mempunyai paling banyak perkataan dalam senarai mereka yang tidak dibatalkan.



Penjelasan

1. Mengagumkan sekali bukan, jumlah perkataan yang mengandungi kedua-dua huruf 'an'?
2. Memang huruf yang biasa tetapi ia memainkan peranan yang begitu besar dalam membentuk perkataan-perkataan lain. Biasa namun berperanan penting.

3. Pelajaran-pelajaran berikut ini adalah mengenai sesuatu yang kecil, yang biasa tetapi yang mempunyai peranan yang amat penting.

Tunjuk Dan Ajar

(Diperlukan: Lidah, Alkitab)

- i. Cuba dapatkan lidah sama ada lidah babi atau lembu daripada pasar dan tunjukkan kepada para peserta.
 - ii. Tanya mereka apa agaknya benda tersebut. Kemudian minta mereka jelaskan fungsi-fungsi lidah.
4. Lidah adalah organ yang sangat kecil berbanding dengan bahagian-bahagian lain tubuh. Namun demikian, ia memiliki banyak fungsi yang berguna, seperti yang anda katakan tadi.
 5. Bila Alkitab memperkatakan tentang lidah, ia merujuk kepada cara kita menggunakan lidah dalam pertuturan dan jenis-jenis perkataan yang keluar daripada mulut kita.
 6. Suruh mereka bukakan Alkitab kepada Yakobus 3:4-10. Minta seorang membacanya.
 7. Menurut Alkitab, walaupun lidah merupakan bahagian tubuh yang kecil, ianya adalah bahagian yang amat penting. Ianya boleh digunakan dalam cara yang baik dan membawakan kebaikan kepada orang lain. Tetapi, ianya juga boleh digunakan dalam cara yang jahat yang menyakiti malah menghancurkan orang lain.
 8. Yakobus mengatakan bahawa lidah umpama api, sesuatu yang buas, yang tidak dapat dikawal oleh sesiapa pun. Pelajaran-pelajaran ini akan membantu anda menyedari betapa jahatnya lidah kita jika ia tidak dikuasai. Ajaran-ajaran ini juga membantu anda menyedari bahawa anda dapat melakukan sesuatu untuk menjinakkan lidah anda.



Aktiviti Bersama

Kenalilah Lidah Anda

1. Suruh mereka merujuk kepada lembar kerja *Kenali Lidah Anda*.
2. Suruh mereka baca dan kemudian nilaikan setiap kenyataan dengan membulatkan angka pada jawapan yang paling tepat tentang diri.
3. Setelah mereka selesai, suruh mereka kira jumlah penilaian masing-masing. Kemudian berikan penilaian berikut:

- 0-50 Lidah Buas!** Nampaknya anda perlu berusaha kuat menjinakkan lidah anda!
- 51-70 Lidah Tengah Dijinak!** Boleh tahan tetapi anda perlu tingkatkan usaha menjinakkan lidah anda!
- 71-100 Lidah Jinak!** Syabas!

4. Jika anda tahu bahawa para peserta tidak akan merasa segan, mungkin anda boleh meminta mereka angkat tangan mengenalpastikan mereka berada dalam golongan mana.



Renungan Firman Tuhan

Suruh mereka bukakan Alkitab kepada bahagian-bahagian berikut:
Yakobus 3:4-10; Amsal 12:18.

Minta mereka senaraikan bagaimana lidah dihuraikan dan apakah kesan-kesannya terhadap orang lain.

Kemudian ringkaskan seperti berikut:

- Lidah umpama api yang dapat menyakiti seseorang malah menghancurkan hidupnya jika tidak digunakan dengan betul (Yakobus 3:6).
- Jika digunakan dengan betul, lidah membawakan berkat – ia boleh digunakan untuk memuji Tuhan (Yakobus 3:9) serta menghibur dan membawa kesembuhan kepada orang lain (Amsal 12:18).
- Jika digunakan dengan cuai, ia mengakibatkan kepedihan dan kehancuran – ia boleh digunakan untuk mengutuk dan mengecewakan orang lain (Yakobus 3:10) serta menyakiti orang (Amsal 12:18).
- Banyak kali, kita tidak menggunakan lidah kita dengan berhati-hati, seperti yang anda ketahui daripada ujian T.Q. anda. Akibatnya, kita mengecewakan atau menyakiti orang lain.
- Apakah caranya anda boleh belajar menggunakan lidah anda dengan lebih bijak?

Menguasai Lidah

- Bahagikan para peserta kepada dua kumpulan. Suruh satu kumpulan membaca Matius 12:33-37 dan yang satu lagi, Matius 15:16-20.
- Dapatkan respons mereka tentang apa yang dikatakan dalam kedua-dua bahagian Alkitab ini.

Kemudian ringkaskan seperti berikut:

- a. Menurut Alkitab, apa yang diluahkan oleh mulut adalah hasil daripada apa yang anda simpan dalam hati (Matius 12:34, 15:18). Ia menunjukkan siapa diri anda yang sebenarnya.
- b. Apa yang dimaksudkan dengan 'hati' dalam Alkitab? Beri mereka peluang memberikan pendapat.
- c. Menurut pemikiran bangsa Yahudi, hati sebenarnya merupakan pusat kawalan seseorang, siapa dia dan apa yang dia lakukan. Makna moden paling dekat ialah minda dan hati atau emosi.
- d. Jadi, jika anda menyimpan hal-hal yang baik dalam minda dan hati, maka yang baiklah yang akan keluar mulut anda. Tetapi jika anda menyimpan hal-hal yang buruk dan jahat dalam minda dan hati, maka yang keluar mulut anda adalah pemikiran dan kata-kata yang buruk dan jahat.
- e. Minda anda sering dihujani dengan berbagai pengaruh melalui kelima – lima deria anda – buku-buku atau majalah-majalah yang anda baca, filem-filem yang anda tonton, lagu-lagu yang anda nyanyikan dan dengar, jalinan-jalinan hubungan anda dengan orang lain. Pengaruh daripada semua ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung, menyerap masuk minda dan hati anda yang kemudiannya akan menentukan apa yang keluar mulut anda.
- f. Dengan ini, anda perlu lebih berwaspada memilih apa yang anda masukkan dalam minda dan hati anda jika anda mahu menjinakkan lidah anda.



Renungan Peribadi

1. Bahagikan para peserta kepada tiga atau empat orang sekumpulan. Suruh mereka rujuk kepada lembar kerja *Hidangan Lidah, Bahagian I*.
2. Suruh mereka mencari idea atau ilham bersama dan senaraikan apa yang mereka fikir adalah hal-hal yang baik dan yang buruk yang mempengaruhi dan memenuhi minda mereka.
3. Suruh setiap kumpulan memilih seseorang untuk mengongsikan senarai masing-masing.
4. Bila selesai, suruh mereka rujuk kepada Bahagian kedua lembar kerja itu.
5. Baca bersama-sama mereka dan kemudian mereka harus menyelesaikannya dengan sendiri.



Doa

Minta mereka semua berdiri dan bacakan kepada mereka Kolose 3:1-3. Suruh mereka memberi respon dengan mengulangi Kolose 3:1-3 tetapi gantikan perkataan 'kamu' dengan 'saya'.

*"Karena itu, kalau **saya** dibangkitkan bersama dengan Kristus, carilah perkara yang di atas, di mana Kristus ada, duduk di sebelah kanan Allah. Pikirkanlah perkara yang di atas, bukan yang di bumi. Sebab **saya** telah mati dan hidup **saya** tersembunyi bersama dengan Kristus di dalam Allah."*

Jadikanlah ia doa komitmen mereka kepada Tuhan, bahawa mereka akan mengisi minda dan hati dengan hal-hal yang baik supaya apa yang keluar mulut mereka akan memuliakan Tuhan dan menguatkan orang lain.

Sesi 6: Mulut Murai



Objektif-Objektif Sesi

1. Mendefinisikan gosip daripada perspektif Alkitab
2. Menyedari bagaimana dan mengapa berlakunya gosip
3. Mendapat penyelesaian-penyelesaian positif mengatasi gosip
4. Mengambil langkah-langkah positif menghadapi gosip



Pencetus Minat Mari Mengundi

1. Jelaskan bahawa anda akan membaca senarai kenyataan-kenyataan tentang mengongsikan maklumat yang diketahui. Mereka harus membuat keputusan sama ada setuju atau tidak setuju dengan kenyataan-kenyataan tersebut.
2. Jadikan sebelah bilik sebagai bahagian Setuju dan sebelah yang lain sebagai, *Tidak Setuju*.
3. Beri mereka masa 3 saat untuk membuat keputusan setelah setiap kenyataan selesai dibaca. Kemudian mereka harus bergerak ke bahagian bilik *Setuju* atau *Tidak Setuju*.
 - *Jika seseorang mengongsikan sesuatu yang benar, ia bukan gosip.*
 - *Anda boleh mengatakan apa sahaja yang anda mahu tentang seseorang selagi ia tidak mempengaruhi reputasinya.*
 - *Tidak patut menceritakannya kepada orang lain walaupun orang itu tidak pernah mengatakan bahawa ia harus disimpan sebagai rahsia.*
 - *Bukan gosip jika anda menceritakannya kepada orang lain semata-mata untuk memberitahu mereka apa yang sedang berlaku.*
 - *Bukan gosip selagi anda menyuruh mereka jangan mengongsikan kepada orang lain.*
 - *Ia boleh dianggap sebagai gosip jika anda mengongsikannya dengan kawan karib anda sekalipun.*
 - *Bukan gosip jika anda mengongsikannya dengan orang lain kerana anda mengambil berat tentang orang tersebut.*
 - *Tidak menjadi masalah mengongsikannya selagi hanya beberapa orang sahaja yang mengetahuinya.*
 - *Anda turut mengambil bahagian dalam gosip walaupun anda hanya mendengar tetapi anda sendiri tidak mengongsikannya kepada orang lain.*



Aktiviti Bersama Bzz... Apakah itu Gosip?

1. Bahagikan para peserta kepada empat atau lima orang sekumpulan.
2. Suruh mereka berbincang sesama mereka apa itu gosip menurut pandangan masing-masing dan dalam keadaan apakah cerita mereka itu menjadi gosip. Lantik seorang untuk mencatatkan poin-poin utama perbincangan mereka.
3. Kemudian suruh seorang wakil daripada setiap kumpulan untuk mengulas apa yang mereka bincangkan dalam kumpulan masing-masing.
4. Suruh mereka bukakan Alkitab kepada 1 Timotius 5:13 dan Amsal 20:19.
5. Suruh salah seorang membaca bahagian itu.
6. Minta mereka kongsi pendapat mereka tentang apa yang dikatakan oleh Alkitab tentang gosip dalam bahagian-bahagian Alkitab tersebut.



Renungan Firman Tuhan

1. Gosip boleh didefinisikan sebagai aktiviti menyebarkan khabar yang tidak patut anda katakan, khususnya jika maklumat itu dikongsi dengan anda secara sulit.
2. Anda dikatakan bergosip bila:
 - i. Anda mengongsi maklumat yang tidak ada kaitan dengan diri anda; contohnya, bila anda memberitahu seseorang yang lain bahawa ibu kawan karib anda memakai gigi palsu serta memiliki beberapa gigi emas! Alkitab memanggil orang sebegini, pemalas dan penyibuk yang tidak mempunyai hal yang lebih baik untuk dilakukan (1 Timotius 5:13; 2 Tesalonika 3:11)
 - ii. Anda mengongsi maklumat sulit, iaitu maklumat yang diberitahu kepada anda secara peribadi sebagai rahsia (Amsal 20:19).
 - iii. Anda mengongsi maklumat semata-mata kerana ia menyeronokkan anda (Amsal 26:22). Maklumat anda umpama lauk sedap yang anda hidangkan untuk nikmat orang lain!
 - iv anda mengongsi maklumat dan memberi gambaran yang salah secara sengaja, contohnya, bila anda melihat kawan anda berbual-bual dengan seorang gadis cantik atau

jejaka tampan, anda menyebarkan khabar bahawa dia mahu menjadikan gadis atau jejaka itu pasangannya!

2. Mengapa Kita Gosip?

Pandangan Para Peserta

- i. Tanya mereka soalan ini: *“Mengapa agaknya orang suka bergosip?”*
- ii. Minta respons mereka dan kemudian ringkaskan jawapan-jawapan mereka berserta poin-poin yang disenaraikan di bawah:
 - a. Semata-mata memiliki topik perbincangan tentang orang lain.
 - b. Kerana ia meninggikan ego kita; kita merasa diri kita lebih baik bila kita menumpukan perhatian pada kegagalan-kegagalan dan kesalahan-kesalahan orang lain.
 - c. Kerana kita tidak suka atau tidak mengambil berat sangat tentang orang itu.
 - d. Kerana kita seronok bergosip dan kita tidak berfikir panjang lebar tentang apa yang mungkin terjadi kepada orang atau mereka yang terlibat.

3. Bagaimana Kita Memberi Alasan Kepada Gosip Kita?

- a. Banyak kali kita tidak menganggap apa yang kita lakukan itu adalah gosip. Kita memberi berbagai-bagai sebab atau alasan mengapa kita bercerita tentang orang lain.
- b. Apakah sebab-sebab atau alasan-alasan yang pernah kita berikan?
- c. *Gosip* tetap *gosip* tidak kira apa sekalipun sebab-sebab yang kita berikan sebagai alasan perbuatan kita.

4. Apakah Akibat-akibat Gosip?

Permainan: Rantai Gosip

- a. Suruh para peserta berbaris seramai lapan hingga sepuluh orang sebaris.
- b. Jelaskan bahawa anda akan bisikkan satu mesej kepada orang pertama dalam barisan itu. Kemudian dia akan bisikkan mesej tersebut kepada orang yang di sebelahnya dan seterusnya sehinggalah sampai akhir barisan. Hanya ada satu syarat – mereka dibenarkan membisikkan mesej itu hanya sekali – mereka tidak boleh mengulanginya.
- c. Fikirkan beberapa berita yang berunsur skandal tentang diri anda sendiri yang akan digunakan sebagai mesej itu.

Contohnya, “Tahukah anda bahawa ... (nama anda) tidak pernah memberus giginya di waktu pagi dan hanya membasuh rambutnya dua minggu sekali?”

- d. Suruh orang terakhir dalam setiap barisan nyatakan mesej yang diterimanya. Kebanyakan masa, maklumat yang sampai pada orang terakhir ini sudah berbeza dan memberi gambaran yang salah.
- i. Permainan ini menggambarkan apa yang terjadi bila gosip disebar.
- ii. Orang-orang yang tidak perlu tahu turut terlibat.
- iii. Maklumat sebenar tercemar atau berubah.
- iv. Orang yang terlibat itu disalahfahamkan dan merasa malu atau disakiti. Kadang-kadang, keadaannya menjadi begitu teruk sehingga persahabatan terputus, malah hidup binasa dan hancur.

5. Strategi-strategi Menghentikan Gosip

Minta para peserta mengemukakan cadangan-cadangan bagaimana mereka dapat menghentikan amalan gosip ini baik bagi diri sendiri atau orang lain. Kemudian ringkaskan cadangan-cadangan mereka bersama-sama poin-poin yang berikut:

a. Berhenti Dan Fikir Terlebih Dahulu

Tanya diri anda sama ada anda patut mengongsikan berita yang telah anda dengar.

b. Periksa Niat Anda

Benarkah anda mahu membantu dan ikhlas atau anda semata-mata mahu memberitahu orang lain kerana ia merupakan maklumat yang menarik?

c. Berdoa

Mohon pimpinan Tuhan sama ada anda patut mengongsikannya dengan seseorang yang lain jika orang itu memerlukan bantuan.

d. Pastikan Sumbernya

Bila anda mendengar sesuatu yang tidak berapa baik tentang seseorang, pastikan sumbernya berpunca dari mana. Adakah ia benar? Tanya orang yang memberitahu anda itu supaya berhadapan dengan orang yang dikatakannya dan jangan menyebarkan hal itu lagi. Amat penting menghentikan gosip daripada tersebar supaya dapat menghalang sebarang akibat

buruk terjadi.

e. **Jangan Mendengar Gosip**

Biar orang itu tahu bahawa dia tidak patut menceritakannya kepada anda.

f. **Sokong Orang Yang Terlibat Itu**

Jika anda tahu bahawa gosip itu memang tidak benar, maka anda harus menyokong dan menyebelahi orang yang terlibat itu. Jangan benarkan individu itu menjadi subjek gosip orang lain.



Doa

Akhiri sesi ini dengan mendoakan para peserta supaya Tuhan akan membantu mereka berdisiplin dan jangan menyebarkan gosip tentang orang lain. Doakan agar Dia akan mengajar mereka menjadi bijak mengawasi lidah masing-masing, agar mereka akan menggunakan lidah mereka untuk memberi galakan dan dorongan kepada satu sama lain.

Sesi 7: Perhatikan Bahasa Anda



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengetahui bahawa mereka harus bertanggungjawab atas setiap patah perkataan cuai yang mereka lafazkan
2. Mengenal pasti pelbagai jenis perkataan yang digolongkan sebagai kata-kata yang cuai
3. Membuat komitmen memperbaiki penggunaan kata-kata mereka



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Melalui aktiviti pencarian kata-kata tadi, anda dapati bahawa ramai orang menggunakan perkataan dengan cuai sekali. Mereka tidak kisah sangat tentang maknanya – sama ada kata-kata itu baik atau tidak, atau sama ada menggalakkan atau menyakitkan mereka yang mendengarnya.
2. Melalui aktiviti kedua pula, anda mendapati bahawa terdapat kata-kata yang kedengarannya bukan perkataan yang tidak baik atau kotor, namun asal-usulnya merupakan sumber yang tidak baik.
3. Anda juga mempelajari dalam sesi terdahulu bahawa jika anda enggan menggunakan lidah anda dengan baik, ia dapat menimbulkan akibat dan kesan negatif terhadap orang di sekeliling anda.
4. Dalam pelajaran sebelum ini, anda juga ada mempelajari bahawa gosip merupakan satu cara salah menggunakan lidah. Anda juga mengetahui akibat yang mungkin timbul.
5. Hari ini, kita akan mempelajari satu lagi cara penggunaan lidah yang salah serta akibatnya.

B. Kata-kata Yang Cuai

Suruh mereka bukakan Alkitab kepada Injil Matius 12:33-37. Bacakan bahagian itu kepada mereka.

1. Yesus memberitahu kita bahawa kita harus berhati-hati dengan kata-kata yang keluar daripada mulut kita kerana suatu hari nanti, kita akan dihakimi menurut kata-kata cuai yang kita lafazkan.
2. Apakah agaknya yang dimaksudkan oleh Yesus dengan “kata-kata cuai”? *(Berilah mereka masa untuk memberi respon)*
3. Maksud Yesus, terdapat kata-kata yang tidak menghasilkan

kebaikan dan langsung tidak berguna. Marilah kita lihat beberapa contoh kata-kata cuai ini.

Minta Kumpulan 1 berkongsi dahulu. Kemudian ringkaskan seperti berikut:

a. Kata-kata Kosong

- i. Ini merupakan kata-kata yang tidak berguna dan tidak bertujuan langsung. Contohnya, menggunakan nama Tuhan sebagai seruan, tidak ada tujuannya kecuali menonjolkan sifat tidak menghormati Tuhan. Alkitab amat jelas mengajar kita supaya jangan menggunakan nama Tuhan secara sembarangan, iaitu tanpa tujuan.
- ii. Gosip atau perbualan yang tidak bermanfaat turut tergolong dalam kategori ini. Menggata-gata orang lain tanpa tujuan atau hanya untuk berseronok sahaja, merupakan kata-kata kosong.
- iii. Suruh mereka bukakan Alkitab kepada 2 Timotius 2:16. Suruh seseorang membacanya. Menggunakan kata-kata kosong, tanpa tujuan baik, akan mempengaruhi perkembangan rohani anda.

Minta Kumpulan 2 berkongsi. Kemudian ringkaskan seperti berikut:

b. Jenaka Kasar

- i. Ini merujuk kepada jenaka-jenaka yang berunsur seks. Ajaran Alkitab amat jelas bahawa kita harus menjaga minda dan hati kita supaya suci. Tidak harus ada sebarang yang tidak suci dalam hidup mahupun kata-kata kita.
- ii. Jadi, anda bukan sahaja dilarang bergurau senda dengan jenaka-jenaka sedemikian, tetapi juga menjauhinya – termasuk mendengar jenaka-jenaka seperti itu!
- iii. Jika kawan-kawan anda mula berjenaka sedemikian, jauhilah diri anda. Jelaskan bahawa anda tidak mahu mendengar ataupun mengambil bahagian. Jangan rasa marah bila pada awalnya mereka tertawakan anda. Lama kelamaan mereka akan sedar bahawa Tuhan benar dalam hidup anda, dan mereka akan menghormati anda walaupun mereka tidak akan mengakuinya di depan anda.

Minta Kumpulan 3 berkongsi. Kemudian ringkaskan seperti berikut:

c. Bahasa Kotor

- i. Suruh mereka bukakan Alkitab kepada Kolose 3:1-8.

Menurut Alkitab, oleh kerana kita telah mati bersama Kristus, maka kita harus menjalani hidup baru dalam Dia. Sebahagian daripada hidup baru ini termasuk membasmi bahasa yang kesat dan kotor daripada mulut kita.

- ii. Ini merujuk kepada penggunaan kata-kata kotor baik dalam percakapan mahupun seruan-seruan anda! Kelihatannya anda mengikuti zaman tetapi di mata Tuhan, anda mencemarkan diri anda.
- iii. Jika kata-kata seperti ini sering keluar mulut anda, maka anda perlu meyelidiki apakah pengaruh-pengaruh yang anda benarkan masuk minda dan hati anda. Mungkin filem-filem yang anda tonton, kawan-kawan anda, dsb. Anda perlu bertindak mengeluarkan pengaruh-pengaruh ini daripada hidup anda.

Minta Kumpulan 4 berkongsi. Kemudian ringkaskan seperti berikut:

d. Kutukan

- i. Sebarang kejahatan atau hal buruk yang anda mahu melanda orang lain akan menjadi suatu kutukan dalam hidup mereka walaupun ia mungkin tidak berbahaya dan hanya kata-kata semata-mata yang terkeluar mulut ketika anda merasa marah.
- ii. Kata-kata buruk yang terkeluar mulut anda itu akan diingati dan mempengaruhi penilaian mereka akan diri mereka. Jika mereka kerap mendengarnya, ia akan menjadi satu ikatan. Sebagai contoh, ibu bapa yang kerap memarahi anak-anak, mengatakan mereka bodoh dan tidak berguna, tidak sedar keburukan yang mereka lakukan. Sering kali mereka membesar dengan merasakan diri mereka tidak berguna. Ini disebabkan kata-kata ibu bapa terpahat dalam minda mereka dan bertindak sebagai suatu kutuk.
- iii. Jadi anda perlu berhati-hati dengan kata-kata anda khasnya ketika anda marah – kata-kata yang sudah dilafazkan tidak dapat ditarik balik. Kebiasaan yang diakibatkan oleh kata-kata cuai sering kali sukar diperbaiki.

C. Akibat-akibat Kata-kata Cuai

(Diperlukan: Alkitab, bunga segar)

Renung seketika keempat-empat jenis kata-kata cuai yang sudah dikatakan tadi. Pada pendapat anda, apakah agaknya akibat-akibat

menggunakan kata-kata itu? Biar mereka memberikan pendapat masing-masing.

1. Tuhan akan menghakimi anda. (Rujuk balik kepada Matius 12:36-37) Sebagai anak Tuhan, anda bertanggungjawab kepada-Nya atas cara anda menggunakan lidah anda.
2. Anda Akan Menyakiti Orang Lain.
Pegang sekuntum bunga segar dan minta seseorang untuk tampil ke depan membantu. Tanya dia samada mudah mencabut kelopak bunga. Suruh dia melakukannya. Sekarang tanya dia sama ada mudah mencantum balik kelopak bunga yang sudah dicabut itu. Kata-kata cuai umpama mencabut kelopak bunga. Senang sekali melafazkannya tetapi sukar sekali untuk ditarik balik. Kesakitan atau kerosakan yang diakibatkannya amat sukar diperbaiki; sama seperti kelopak bunga yang tercabut tadi tidak mungkin dicantum balik.
3. Anda menipu diri sendiri bahawa anda anak Tuhan dan murid Kristus. Dalam Yakobus 1:26, anda diberitahu bahawa jika anda tidak dapat menguasai lidah anda, maka iman anda tidak berguna. Anda mungkin melakukan segala yang betul tetapi Tuhan tidak berkenan. Lidah yang kerap mengeluarkan kata-kata cuai menunjukkan bahawa hatinya turut dipenuhi dengan hal yang sama.

D. Bagaimana Mengatasi Amalan Mengucapkan Kata-kata Cuai

1. Usahakannya dengan sengaja. Jika anda berkata anda tidak dapat melakukannya, sebenarnya yang dimaksudkan ialah anda tidak mahu atau tidak rela melakukannya. Tuhan akan menyertai anda untuk membantu jika anda benar-benar mahu berusaha.
2. Berdoalah kepada Tuhan untuk memberi anda disiplin menjinakkan lidah anda.
3. Jauhi sebarang yang akan mempengaruhi anda secara negatif:
 - a. Kawan-kawan yang sering menggunakan kata-kata yang cuai
 - b. Apa yang anda tonton, dengar atau lihat sama ada di kaca TV, dalam buku-buku atau majalah-majalah, dalam lagu-lagu dsb.
4. Bacakan Filipi 4:8. Usahakan memenuhi minda anda dengan hal-hal yang murni, baik dan benar.

Sesi 8: Lidah Yang Jinak



Objektif-Objektif Sesi

1. Mempelajari cara-cara Alkitabiah untuk menggunakan lidah secara positif
2. Membincangkan beberapa cara menggunakan lidah secara positif
3. Mengucapkan sesuatu yang positif kepada satu sama lain dalam kelompok remaja



Pencetus Minat

Aktiviti ini menggalakkan para peserta supaya meluahkan hal-hal yang positif.

1. Alihkan semua kerusi ke hujung bilik dan suruh para peserta berdiri di hujung yang satu lagi.
2. Jelaskan bahawa tujuan aktiviti ini ialah supaya mereka menyeberang ke hujung bilik yang bertentangan dalam apa cara sekali pun. Contohnya, mereka boleh berjalan, melompat, melambai lambaikan tangan ketika berjalan dan sebagainya.
3. Namun terdapat dua syarat:
 - a. Mereka tidak boleh mengulangi aksi yang sudah dilakukan oleh mereka yang terdahulu
 - b. Ketika mereka menyeberang bilik, mereka harus mengatakan sesuatu yang positif tentang topik yang akan anda berikan kepada mereka. Sebagai contoh, anda boleh meminta mereka mengatakan sesuatu yang positif tentang gereja, keluarga, kerajaan mereka, dsb. Mereka tidak boleh mengulangi apa yang dikatakan oleh mereka yang mendahului.
4. Jika ada masa lagi, anda mungkin mahu mereka melakukan hal yang sama untuk kembali ke tempat asal. JANGAN benarkan aksi yang sama diulangi tetapi anda mungkin mahu mengubah tajuk yang diberikan kepada mereka untuk membuat komentar positif.



Aktiviti Bersama

Menjinak Lidah Anda (30 minit)

1. Sediakan arahan-arahan berikut pada kepingan-kepingan kertas yang berasingan:
 - a. Satu cara menggunakan lidah anda dengan positif ialah dengan

memupuk keimanan dan akhlak. Maksudnya kita mengatakan hal-hal yang membangun, memberi semangat atau memberi pengesahan iaitu dengan mengatakan hal-hal yang baik tentang seseorang. Ini akan membantu orang tersebut meningkatkan keyakinan dirinya dan bertumbuh matang menjadi seseorang yang lebih baik atau lebih salih. Rancangkan satu lakonan pendek yang kurang daripada 5 minit, untuk menunjukkan bagaimana anda dapat memupuk keimanan dan akhlak orang lain.

- b. Satu cara menggunakan lidah anda dengan positif ialah dengan memberi galakan atau dorongan kepada orang lain. Ertinya, mendorong dan menggalakkan seseorang supaya merangsang dia ke arah mencapai sesuatu, atau membantu dia bertumbuh dalam kehidupan Kristiannya. Rancangkan satu lakonan pendek yang kurang daripada 5 minit, untuk menunjukkan bagaimana anda dapat memberi galakan atau dorongan kepada orang lain.
 - c. Satu cara menggunakan lidah anda dengan positif ialah dengan memberi teguran dan mengajar mereka supaya hidup suci dan salih. Rancangkan satu lakonan pendek yang kurang daripada 5 minit, untuk menunjukkan bagaimana anda dapat memberi teguran serta mengajar orang lain supaya bertambah suci dan salih.
 - d. Satu cara menggunakan lidah anda dengan positif ialah dengan memberkati orang lain. Memberkati di sini bermakna mengharapakan hal-hal yang baik bagi mereka dan memperkatakan yang baik tentang mereka. Rancangkan satu lakonan pendek yang kurang daripada 5 minit, untuk menunjukkan bagaimana anda dapat memberkati orang lain.
2. Kemudian bahagikan mereka kepada empat kumpulan (jika tidak mencukupi remaja, anda boleh tinggalkan satu atau dua arahan tadi tetapi masukkan dalam rumusan anda)
 3. Biar mereka cabut undi bagi bahagian mana yang akan mereka lakonkan.
 4. Kemudian beri mereka masa beberapa minit untuk membuat persediaan.
 5. Bila mereka sudah bersedia, setiap kumpulan akan mementaskan lakonan masing-masing.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah senang mengucapkan sesuatu yang positif? Sering kali kita dapati lebih senang mengkritik dan mencari kesalahan daripada

memperkatakan sesuatu yang baik dan menggalakkan.

2. Dalam sesi-sesi terdahulu, anda telah mempelajari bahawa lidah berpotensi menjadi organ yang dapat membinasakan jika tidak digunakan dengan betul. Apa yang menguasai lidah anda ialah apa yang anda isi ke dalam hati dan minda anda. Dengan itu, anda dicabar supaya menjauhi pengaruh-pengaruh yang negatif dan salah.
3. Seterusnya anda juga mempelajari bahawa gosip mengakibatkan kesan-kesan negatif ke atas orang-orang yang dijadikan tajuk perbualan. Anda telah membuat komitmen akan bertanggung jawab kepada kawan-kawan anda supaya tidak menyebarkan maklumat dengan cuai.
4. Selain daripada itu, anda juga mengetahui bahawa banyak perkataan yang anda gunakan itu cuai dan tidak berguna, yang hanya membawa malu kepada Tuhan atau menyakiti orang lain. Di akhir pelajaran tersebut, anda telah membuat perjanjian dengan Tuhan akan mematuhi-Nya dan supaya tidak menggunakan kata-kata yang cuai dalam perbualan anda.
5. Hari ini, kita akan mengakhiri tajuk ini dengan mengalihkan perhatian kepada aspek yang positif, iaitu bagaimana anda boleh berusaha menjinakkan lidah supaya menjadi berkat kepada orang lain.

B. Menjinak Lidah Anda

1. Berusaha Memupuk Keimanan Dan Akhlak

- a. Memupuk keimanan dan akhlak bererti membangunkan atau memberi pengesahan kepada orang lain, iaitu dengan memuji atau mengatakan hal yang baik tentang dirinya supaya dia berkeyakinan.
- b. Suruh mereka bukakan Alkitab kepada Roma 15:2 dan Efesus 4:29. Minta kumpulan yang membuat lakonan itu membacakan ayat-ayat tersebut.
- c. Ini tidak bererti anda mengampu atau memuji secara tidak ikhlas. Maksudnya ialah anda berusaha mencari hal-hal yang baik dan positif tentang orang itu supaya dia dapat menerima manfaat dan bertumbuh menjadi orang yang lebih baik dan salih.
- d. Pada masa yang sama, belajar menerima pujian-pujian daripada orang lain, dengan mengucapkan 'terima kasih' dan bukan meniadakannya dengan berkata 'tak ada-lah'!

2. Berusaha Memberi Galakan Atau Dorongan

- a. Menggalak atau mendorong bererti memberi semangat kepada

seseorang itu supaya dapat membantu dia mencapai sesuatu atau bertumbuh dalam kehidupan Kristiannya.

- b. Suruh mereka bukakan Alkitab kepada 1 Tesalonika 5:11 dan Ibrani 3:13. Minta kumpulan yang membuat lakonan itu membacakan ayat-ayat tersebut.
- c. Cuba cari jalan untuk memberi galakan kepada orang lain. Sebagai contoh, jika seseorang dalam kumpulan remaja anda baru sahaja memimpin persembahan, ucapkan terima kasih atas usahanya atau katakan sesuatu yang menggalakan tentang sumbangannya dalam sesi persembahan.
- d. Bila kita sudah melakukan sesuatu dengan sedaya upaya, ia amat membantu bila ada orang lain yang turut memberi galakan. Ini menguatkan semangat kita dan mendorong kita agar melakukan dengan lebih baik lagi.

3. Berusaha Memberi Teguran Dan Ajaran

- a. Menegur bererti memberi amaran dan mengajar orang lain supaya mereka dapat hidup benar dan salih.
- b. Suruh mereka bukakan Alkitab kepada Kolose 1:28 dan 3:16. Minta kumpulan yang membuat lakonan itu membacakan ayat-ayat tersebut.
- c. Ini tidak bererti anda memarahi kawan-kawan anda bila mereka melakukan sesuatu yang salah. Sebaliknya, anda tunjukkan dan betulkan dengan lemah lembut dan pengasih. Barulah kawan-kawan anda tidak merasa diri mereka bodoh dan tak berguna. Mereka akan mendapati lebih mudah menerima teguran dan ajaran anda.

4. Berusaha Memberkati

- a. Memberkati adalah bertentangan dengan mengutuk. Ini bererti kita memperkatakan hal-hal yang baik tentang orang itu dan mengharapakan hal-hal yang baik bagi mereka walaupun mereka tidak mengharapakan yang baik untuk anda
- b. Suruh mereka membuka Alkitab kepada Lukas 6:28 dan Kejadian 12:3. Minta kumpulan yang membuat lakonan itu membacakan ayat-ayat tersebut.
- c. Dalam Perjanjian Lama, berkat dan kutuk dianggap serius oleh kedua-dua Tuhan dan bangsa Yahudi. Sebaik sahaja Ishak melafazkan berkat ke atas Yakub, maka berkat itu milik Yakub. Jadi Esau kehilangan berkat yang sepatutnya milik dia. Berkat-berkat ini bukan kata-kata semata-mata tetapi Tuhan mendengar dan mengabulkan.

- d. Jadi anda harus belajar dan berusaha memperkatakan hal yang baik tentang orang lain dan menggunakan kata-kata anda supaya Tuhan dapat memberkati mereka.



Renungan Peribadi

1. Sediakan kepingan-kepingan kertas yang cantik. Tulis nama setiap orang di atas kepingan kertas yang berasingan.
2. Jelaskan bahawa anda akan mengedarkan kertas-kertas tersebut dan semua harus memikirkan sesuatu yang menggalakkan dan tulis di atas kertas-kertas ahli-ahli lain kecuali kertas mereka sendiri. Anda mungkin mahu sediakan sekeping kertas dengan nama anda juga.
3. Ingatkan mereka bahawa ini merupakan satu aktiviti yang serius. Jadi anda mahu mereka memikirkan dengan berhati-hati sebelum mereka mencatatkan komen masing-masing. Nyatakan bahawa ini adalah sesuatu yang dapat mereka simpan, hargai dan renungi kembali khasnya ketika mereka menghadapi masa-masa yang mengecewakan. Mereka akan digalakkan dan didorong bila membaca kembali ciri-ciri baik diri masing-masing dan juga dikuatkan semangat kerana mereka mempunyai kawan-kawan yang mengasihi mereka.
4. Kemudian edarkan kertas-kertas tersebut. Bila mereka sudah selesai, kumpulkan kembali terlebih dahulu.
5. Jelaskan bahawa sesudah menulis sesuatu yang positif tentang satu sama lain, sekarang mereka berpeluang mengucapkannya secara langsung kepada setiap orang. Tujuannya ialah supaya mereka berpeluang menyuarakan kata-kata positif itu kepada kawan-kawan mereka.
6. Suruh mereka dapatkan pasangan (anda boleh turut serta jika tinggal seseorang yang tidak berpasangan) dan kemudian buat dua bulatan, salah seorang daripada pasangan itu berada dalam bulatan di luar sementara yang seorang lain dalam bulatan di dalam.
7. Mainkan muzik dan sambil itu kedua-dua bulatan harus berjalan berkeliling, satu bulatan arah jam tangan bergerak dan yang satu lagi bertentangan. Selepas seketika, hentikan muzik.
8. Suruh mereka berdepan pasangan baru mereka dan lafazkan kata-kata positif yang sudah mereka tulis tadi. Berikan mereka masa untuk saling mengucapkan kata-kata positif itu dan mulakan muzik sekali lagi. Teruskan beberapa kali dengan memastikan bahawa mereka akan berdepan pasangan yang baru setiap kali muzik berhenti.

9. Setiap orang diberikan kertas masing-masing. Ingatkan mereka untuk menyimpan dan menghargai apa yang tertulis di atasnya tentang diri mereka. Ketika mereka kecewa, baca kembali apa yang tertulis dan sadarilah bahwa mereka mempunyai kawan-kawan yang mengambil berat tentang mereka dan sentiasa mengharapkan yang terbaik bagi mereka.



Doa

1. Ingatkan mereka bahawa jika mereka mahu lidah mereka menjadi berkat kepada Tuhan dan orang lain, maka mereka harus berusaha mengisi minda dan hati dengan hal-hal yang baik dan benar. Hanya dengan itu barulah hal-hal yang baik akan keluar mulut masing-masing.
2. Galakkan mereka supaya dengan sengaja, berusaha memperkatakan hal-hal yang positif dan cari orang-orang yang dapat mereka berikan galakan dan dorongan.
3. Bahagikan mereka kepada tiga atau empat orang sekumplan dan minta mereka doakan satu sama lain. Doakan supaya mereka akan serius dengan komitmen yang mereka buat sepanjang pembelajaran unit ini untuk menggunakan lidah mereka dengan lebih bijak dan positif.
4. Kemudian, akhiri dengan mendoakan mereka, mohon Tuhan menyertai dan membantu mereka dalam usaha mereka menggunakan lidah dalam cara-cara yang memberkati orang lain.

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Perabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman*, *Kehidupan dalam Kristus*, *Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang ketujuh belas, **"Antara Sikap & Cakap"** membincangkan tentang sikap dan cara percakapan yang seharusnya seorang belia Kristian miliki. Semasa kita melangkah ke alam berdiin, kita berhadapan dengan rasa ragu-ragu diri dan perasaan serba kekurangan dalam usaha mencapai identiti diri. Pada masa yang sama pergumulan juga terjadi ketika pola-pola kelakuan baru diuji dan sistem pemikiran yang berlainan dicuba. Tidak cukup dengan itu, di saat kita berusaha untuk memiliki sikap yang positif dan terpuji, kita juga dihadapkan dengan cara bagaimana kita mengendalikan lidah. Sebab itulah cara kita bersikap dan bercakap, adalah seperti rentak pukulan bambu ketika persembahan tarian magunatip suku kaum Murut dimainkan. Kedua-duanya harus diperhatikan supaya iman kita tercermin dan nama Tuhan dapat dipermuliakan.

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Remaja dan Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Pr. Dani Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tals, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)